

D.R. 32/96

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

**RANG UNDANG-UNDANG
AMANAH LUAR PESISIR LABUAN 1996**

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Kewujudan sesuatu amanah.
4. Amanah khairat dan maksud.
5. Amanah pemborosan atau perlindungan.
6. Undang-undang yang sepatutnya bagi sesuatu amanah dan kuasa untuk menukar undang-undang yang sepatutnya.

BAHAGIAN II

**PEWUJUDAN DAN PENGIKTIRAFAN AMANAH
LUAR PESISIR**

7. Kewujudan amanah luar pesisir.
8. Pewujudan amanah luar pesisir.
9. Kesahan amanah luar pesisir.
10. Tak boleh berkuatkuasanya tuntutan atau penghakiman luar negeri.
11. Amanah luar pesisir atau pelupusan secara fraud.

Fasal

12. Pendaftaran amanah luar pesisir.
13. Pendaftaran suratcara amanah.
14. Nama dan pejabat berdaftar amanah luar pesisir.
15. Daftar dan sekatan bagi pendedahan.
16. Tempoh amanah luar pesisir.
17. Pengubahan dan pembatalan amanah luar pesisir.
18. Kegagalan atau peluputan kepentingan.
19. Penamatan amanah luar pesisir.
20. Pendomisilan semula amanah luar negeri ke Labuan.
21. Migrasi amanah luar pesisir dari Labuan.

BAHAGIAN III

BENEFISIARI AMANAH LUAR PESISIR

22. Benefisiari.
23. Penolaktuntutan.
24. Kepentingan benefisiari dan urusan mengenainya.
25. Kepentingan kelas.

BAHAGIAN IV

PEMEGANG AMANAH BAGI AMANAH LUAR PESISIR

26. Pelantikan pemegang amanah.
27. Penerimaan pelantikan sebagai pemegang amanah.
28. Peletakan jawatan sebagai pemegang amanah.
29. Kekosongan dalam sesuatu amanah.
30. Kewajipan pemegang amanah.
31. Kewajipan pemegang amanah bersama.
32. Kesaksamaan pemegang amanah.
33. Kuasa pemegang amanah.
34. Surat atau memorandum hasrat.

Fasal

35. Pelantikan pelindung.
36. Pewakilan kuasa oleh pemegang amanah.
37. Surat kuasa wakil.
38. Pengumpulan, pendahuluan atau penguntukan harta amanah.
39. Penetapan atau penyerahhakan harta amanah.
40. Saraan dan perbelanjaan.
41. Kerahsiaan yang berhubungan dengan amanah.
42. Liabiliti bagi pecah amanah.
43. Pemegang amanah bertindak berkenaan dengan lebih daripada satu amanah.
44. Berurusan dengan pihak ketiga.
45. Pemegang amanah konstruktif.
46. Tanggung rugi bagi pemegang amanah bersara.

BAHAGIAN V

PELBAGAI

47. Pengubahan terma amanah bagi pihak orang belum dewasa, dll.
48. Kelulusan transaksi tertentu.
49. Kuasa am Mahkamah.
50. Pembayaran kos.
51. Perlindungan bagi orang yang berurusan dengan pemegang amanah.
52. Had masa tindakan.
53. Wang atau harta lain daripada aktiviti yang menyalahi undang-undang.
54. Kesalahan dan penalti am.
55. Kuasa untuk mendakwa.
56. Pengkompaunan kesalahan.
57. Peraturan-peraturan.
58. Pengecualian.

Fasal

59. Larangan ke atas pendaftaran atau penjalanan perniagaan.
60. Prosedur jika tiada prosedur ditetapkan.
61. Kecualian berkenaan dengan amanah yang wujud sebelum Akta ini mula berkuatkuasa.
62. Ketakpakaian undang-undang tertentu.

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pewujudan dan pengiktirafan amanah luar pesisir; dan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau yang bersampingan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Amanah Luar Pesisir Labuan 1996 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

"akuan amanah satu pihak" mempunyai erti yang diberikan kepadanya oleh seksyen 8;

"amanah" termasuklah harta amanah dan hak, kuasa, kewajipan, kepentingan, pertalian dan obligasi di bawah sesuatu amanah;

"amanah luar pesisir" mempunyai erti yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 7(1);

"amanah luar pesisir berdaftar" ertinya sesuatu amanah luar pesisir yang didaftarkan di bawah subseksyen 12(4);

"amanah saham" ertinya mana-mana amanah yang ditubuhkan bagi maksud, atau yang mempunyai kesan, mengadakan kemudahan bagi penyertaan oleh orang-orang sebagai benefisiari di bawah amanah itu dalam apa-apa keuntungan atau pendapatan yang timbul daripada pemerolehan, pemegangan, pengurusan atau pelupusan apa-apa harta;

"benefisiari" ertinya seseorang yang berhak mendapat faedah di bawah suatu amanah atau yang bagi pihaknya budi bicara untuk membahagikan harta yang dipegang atas amanah boleh dijalankan;

"daftar" termasuklah apa-apa jenis rekod;

"ditetapkan" ertinya ditetapkan oleh atau di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

"harta" ertinya apa-apa harta alih atau tak alih, dan termasuklah hak dan kepentingan, sama ada pada masa sekarang atau pada masa hadapan dan sama ada terletak atau kontingen;

"harta amanah" ertinya harta yang sedang dipegang atas amanah;

"harta tak alih yang terletak di Malaysia" termasuklah syer, saham atau debentur dalam atau bagi sesuatu syarikat yang asetnya termasuk harta tak alih yang terletak di Malaysia selain daripada suatu syarikat awam yang disebut dalam senarai rasmi suatu bursa saham mana-mana negara atau bidang kuasa di dalam mana-mana negara;

"Labuan" ertinya Wilayah Persekutuan Labuan;

"Lembaga" mempunyai erti yang diberikan kepadanya oleh Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996; *Akta 545.*

"Mahkamah" ertinya Mahkamah Tinggi atau seseorang hakim Mahkamah Tinggi;

"Malaysia" ertinya wilayah-wilayah di dalam Persekutuan Malaysia, perairan wilayah Malaysia dan dasar laut dan tanah bawah perairan wilayah, dan termasuklah mana-mana kawasan yang melangkaui sempadan perairan wilayah Malaysia, dan dasar laut dan tanah bawah mana-mana kawasan itu, yang telah atau akan kemudian daripada ini dijadikan di bawah undang-undang Malaysia dan mengikut undang-undang antarabangsa sebagai suatu kawasan yang ke atasnya Malaysia mempunyai hak kedaulatan bagi maksud mempelopori dan mengeksploitasikan sumber semula jadi, sama ada hidup atau tidak;

"Menteri" ertinya Menteri yang pada masa ini dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi syarikat luar pesisir;

"orang" termasuklah sekumpulan orang, yang diperbadankan atau tidak diperbadankan;

"orang belum dewasa" ertinya seseorang yang belum mencapai umur dewasa di bawah undang-undang yang sepatutnya bagi sesuatu amanah atau, jika tiada undang-undang telah dipilih, di bawah undang-undang domisilnya;

"orang berkelayakan" ertinya seseorang yang bukan pemastautin di Malaysia;

"pecah amanah" ertinya—

- (a) apa-apa tindakan oleh seseorang pemegang amanah yang melanggar dengan kewajipan yang dikenakan;
- (b) apa-apa tindakan atau pengabaian oleh seseorang pemegang amanah yang tidak dibenarkan atau dimaafkan; atau

- (c) apa-apa pengabaian atau peninggalan di pihak pemegang amanah untuk memenuhi kewajipan yang dikenakan ke atasnya,

oleh Akta ini, undang-undang yang sepatutnya bagi amanah itu atau terma-terma amanah itu;

"pemastautin" ertinya mana-mana orang—

- (a) yang merupakan warganegara atau pemastautin tetap Malaysia; atau
- (b) yang telah menubuhkan suatu tempat perniagaan dan sedang beroperasi di Malaysia, selain daripada sesuatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing yang diperbadankan atau didaftarkan di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir 1990,

Akta 441.

dan termasuklah seseorang yang diisytiharkan sebagai seorang pemastautin menurut seksyen 43 Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953;

Akta 17.

"pembuat amanah" ertinya seseorang yang membuat suatu amanah dan termasuklah seseorang yang mengadakan harta amanah atau membuat suatu pemberian berwasiat atas amanah atau kepada sesuatu amanah, tetapi tidak termasuk seseorang yang membuat sumbangan kepada sesuatu amanah saham;

"pemegang amanah" ertinya seseorang yang dilantik untuk bertindak sebagai seorang pemegang amanah suatu amanah mengikut peruntukan Akta ini;

"perbadanan" ertinya sesuatu pertubuhan perbadanan, di mana-mana jua dibentuk atau diperbadankan;

"suratcara amanah" ertinya sesuatu suratcara yang melaluinya suatu amanah diwujudkan dan termasuklah suatu akuan amanah satu pihak dan apa-apa suratcara yang mengubah terma-terma amanah itu;

"syarikat amanah" ertinya sesuatu syarikat yang didaftarkan di bawah seksyen 4 Akta Syarikat Amanah Labuan 1990 untuk menjalankan perniagaan sebagai suatu syarikat amanah; *Akta 422.*

"terma-terma amanah" ertinya terma bertulis atau lisan bagi sesuatu amanah atau apa-apa terma lain yang terpakai di bawah undang-undang yang sepatutnya bagi amanah itu;

"undang-undang yang sepatutnya" ertinya—

- (a) undang-undang yang dipilih oleh pembuat amanah supaya terpakai bagi sesuatu amanah, pemilihannya itu dinyatakan atau adalah tersirat dalam terma-terma amanah itu; atau
- (b) jika tiada undang-undang dipilih, undang-undang yang dengannya sesuatu amanah mempunyai kaitan yang paling rapat pada masa ia diwujudkan,

(2) Bagi maksud takrif "undang-undang yang sepatutnya" dalam subseksyen (1), dalam menentukan undang-undang yang dengannya sesuatu amanah mempunyai kaitan yang paling rapat, rujukan hendaklah dibuat, terutamanya, kepada—

- (a) tempat pentadbiran amanah itu yang dinamakan oleh pembuat amanah;
- (b) tempat terletakinya harta amanah itu;
- (c) tempat bermastautin atau perniagaan pemegang amanah; dan
- (d) matlamat amanah dan tempat di mana matlamat itu dikehendaki dilaksanakan.

(3) Apa-apa sebutan mengenai "Akta ini" dalam Akta ini hendaklah, melainkan jika dinyatakan secara nyata selainnya, disifatkan termasuk sebutan mengenai mana-mana peraturan, kaedah, perintah, pemberitahuan atau perundangan subsidiari yang lain yang dibuat di bawah Akta ini.

(4) Perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Akta ini yang merujuk kepada mana-mana undang-undang lain hendaklah, setakat yang perlu untuk memberikan kuatkuasa kepada Akta ini dan secara konsisten dengan peruntukan undang-undang yang lain itu, mempunyai erti yang sama dengan perkataan dan ungkapan dalam undang-undang yang berkaitan dengannya perkataan dan ungkapan itu digunakan dalam Akta ini.

Kewujudan
sesuatu
amanah.

3. Sesuatu amanah wujud jika seseorang memegang atau disifatkan memegang atau padanya terletak hak atau disifatkan terletak hak harta yang bukan kepunyaannya atas haknya sendiri dan dia di bawah suatu obligasi sebagai pemegang amanah untuk bertindak tentang harta itu—

- (a) bagi faedah mana-mana benefisiari, sama ada atau tidak ditentukan atau wujud;
- (b) bagi apa-apa maksud yang tidak bagi faedah pemegang amanah; atau
- (c) bagi faedah dan maksud yang disebut dalam perenggan (a) dan (b) kedua-duanya.

Amanah
khairat dan
maksud.

4. (1) Sesuatu amanah hendaklah dianggap sebagai suatu amanah bagi maksud khairat di bawah Akta ini jika amanah itu dibuat bagi mana-mana satu daripada maksud yang berikut atau lebih dan jika pemenuhan maksud atau maksud-maksud sedemikian adalah bagi faedah masyarakat atau sebahagian besar masyarakat dengan mengambil kira jenis dan sifat maksud atau maksud-maksud itu:

- (a) pengurangan atau pembasmian kemiskinan;
- (b) pemajuan pendidikan;
- (c) penggalakan seni, sains dan agama;
- (d) perlindungan alam sekitar;
- (e) pemajuan hak asasi manusia dan kebebasan asasi; atau
- (f) mana-mana maksud lain yang mendatangkan faedah kepada masyarakat.

(2) Sesuatu maksud boleh dianggap sebagai khairat sama ada ia dikehendaki dijalankan di Malaysia atau di tempat lain dan sama ada ia mendatangkan faedah kepada masyarakat di Malaysia atau di tempat lain.

(3) Walau apa pun apa-apa undang-undang yang berlawanan, suatu amanah boleh diwujudkan atau ditubuhkan bagi maksud atau maksud-maksud tertentu, sama ada khairat atau tidak, tetapi amanah itu mestilah terletak pada orang sebenar dalam tempoh berkekalan yang terpakai atau dinyatakan terpakai bagi amanah itu, dan mana-mana amanah yang diwujudkan atau ditubuhkan sedemikian bolehlah dikuatkuasakan oleh pembuat amanah atau wakil dirinya atau oleh orang atau orang-orang yang dinamakan dalam suratcara yang mewujudkan atau menubuhkan amanah itu sebagai orang yang dilantik untuk menguatkuasakan amanah itu dan amanah itu bolehlah dikuatkuasakan atas kehendak orang atau orang-orang yang dinamakan sedemikian walaupun orang itu bukan benefisiari di bawah amanah itu.

5. (1) Terma-terma sesuatu amanah boleh menjadikan kepentingan seseorang benefisiari dalam harta amanah atau dalam apa-apa pendapatan atau modal harta itu—

Amanah
pemborosan
atau
perlindungan.

- (a) boleh ditamatkan;
- (b) tertakluk kepada suatu sekatan atas pembermilikan atau pelupusan; atau
- (c) tertakluk kepada pengurangan atau penamatan sekiranya benefisiari menjadi tak solven atau mana-mana hartanya menjadi boleh disita atau disekuester bagi faedah pemiutangnya.

(2) Sesuatu amanah yang di bawahnya kepentingan seseorang benefisiari adalah tertakluk kepada penamatan, sekatan atau pengurangan di bawah subseksyen (1) adalah suatu amanah pemborosan atau perlindungan.

(3) Sesuatu peruntukan dalam terma-terma sesuatu amanah yang menghendaki supaya kepentingan seseorang benefisiari dalam harta amanah atau dalam apa-apa

pendapatan atau modal harta itu dipegang atas amanah pemborosan atau perlindungan hendaklah ditafsirkan sebagai suatu kehendak supaya kepentingan benefisiari itu dijadikan tertakluk kepada penamatan, sekatan atau pengurangan sebagaimana yang disebut dalam subseksyen (1).

Undang-undang yang sepatutnya bagi ses-ua tu amanah dan kuasa untuk menukar undang-undang yang sepatutnya

6. (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, sesuatu amanah hendaklah ditentukan oleh undang-undang yang sepatutnya bagi amanah itu dan hendaklah ditafsirkan dan dikuatkuasakan dengan sewajarnya.

(2) Terma-terma sesuatu amanah boleh mengadakan peruntukan supaya undang-undang yang sepatutnya bagi amanah itu ditukarkan daripada undang-undang suatu bidang kuasa kepada undang-undang suatu bidang kuasa yang lain dan sebaliknya, tertakluk kepada peruntukan Akta ini dan kepada pengiktirafan pertukaran sedemikian oleh undang-undang yang relevan bagi bidang kuasa yang satu lagi itu, khususnya tentang kesahan amanah dan kepentingan benefisiari itu.

(3) Sesuatu pertukaran undang-undang yang sepatutnya tidak menjejaskan kesahan di sisi undang-undang, atau menjadikan mana-mana orang bertanggung bagi, apa-apa jua yang dibuat sebelum pertukaran itu.

BAHAGIAN II

PEWUJUDAN DAN PENGIKTIRAFAN AMANAH LUAR PESISIR

Kewujudan amanah luar pesisir.

7. (1) Sesuatu amanah ialah suatu amanah luar pesisir jika—

- (a) pembuat amanah itu ialah orang yang berkeelayakan pada masa amanah itu diwujudkan;
- (b) harta amanah itu tidak termasuk mana-mana harta tak alih yang terletak di Malaysia, melainkan jika dibenarkan oleh pihak-pihak berkuasa yang relevan dan undang-undang yang sedang berkuatkuasa;

- (c) tertakluk kepada subseksyen (2) dan (3), semua benefisiari di bawah amanah itu ialah orang yang berkeelayakan pada masa amanah itu diwujudkan atau pada masa mana-mana seorang daripada mereka atau lebih menjadi berhak selainnya untuk menjadi benefisiari di bawah amanah itu; dan
- (d) sekurang-kurangnya seorang daripada pemegang amanah itu ialah syarikat amanah.

(2) Sesuatu amanah ialah amanah luar pesisir walaupun seseorang yang bukan orang berkeelayakan mendapat faedah bersama-sama dengan mana-mana orang lain sebagai anggota suatu golongan orang yang merupakan benefisiari di bawah suatu amanah bagi maksud khairat.

(3) Sesuatu amanah hendaklah terus menjadi amanah luar pesisir walaupun seorang daripada benefisiarinya atau lebih yang merupakan orang berkeelayakan pada masa amanah itu diwujudkan kemudiannya menjadi pemastautin di Malaysia pada masa mereka selainnya berhak menjadi benefisiari.

(4) Bagi maksud seksyen ini, ungkapan "pada masa amanah itu diwujudkan", berhubungan dengan amanah yang diwujudkan oleh suatu wasiat, ertinya masa wasiat itu mula berkuatkuasa.

8. (1) Sesuatu amanah luar pesisir tidaklah menjadi sah melainkan jika ia diwujudkan oleh suatu wasiat atau suratcara lain secara bertulis, termasuklah sesuatu akuan amanah satu pihak, tetapi sesuatu amanah saham hendaklah diwujudkan hanya melalui wasiat atau suratcara lain secara bertulis.

Pewujudan
amanah luar
pesisir.

(2) Sesuatu akuan amanah satu pihak ialah suatu akuan secara bertulis oleh suatu syarikat amanah yang menyatakan—

- (a) bahawa ia adalah pemegang amanah suatu amanah luar pesisir;

- (b) nama amanah itu;
- (c) terma-terma amanah itu; dan
- (d) nama atau maklumat yang membolehkan semua benefisiari dikenali.

(3) Sesuatu akuan amanah satu pihak tidak perlu mengandungi nama pembuat amanah, tetapi dalam hal sedemikian akuan itu hendaklah mengandungi suatu pernyataan oleh syarikat amanah itu bahawa pembuat amanah itu ialah seorang berkeelayakan pada tarikh akuan itu dibuat.

Kesahan
amanah luar
pesisir.

9. (1) Sesuatu amanah luar pesisir, yang diwujudkan dengan sah mengikut atau sebagaimana yang diperuntukkan oleh Akta ini, sama ada di Labuan atau di luar negara, hendaklah diiktiraf dan boleh dikuatkuasakan mengikut terma-termannya, oleh mahkamah-mahkamah di Malaysia yang terletak di Labuan atau di mana-mana tempat lain yang ditetapkan oleh Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang lain.

(2) Sesuatu amanah luar pesisir tidaklah sah dan tidak boleh dikuatkuasakan di Labuan jika—

- (a) ia menghendaki, berupa sebagai atau menggalakkan pelakuan apa-apa perbuatan yang merupakan suatu kesalahan di bawah undang-undang Malaysia atau yang, jika dilakukan di Malaysia, menjadi suatu kesalahan sedemikian:

Dengan syarat bahawa jika perbuatan itu berlaku di mana-mana negara selain daripada Malaysia, ia juga mestilah boleh dihukum sebagai suatu kesalahan jenayah di bawah undang-undang negara lain itu atau suatu bidang kuasa di dalam negara lain itu di mana ia berlaku;

- (b) ia mempunyai pendapatan yang terakru kepadanya, atau diperolehi olehnya, yang berpunca daripada suatu pengendalian, transaksi

atau aktiviti lain yang merupakan atau akan menjadi suatu kesalahan sebagaimana yang disebut dalam perenggan (a);

- (c) ia terdiri daripada harta yang penerimaan, pemunyaan atau pengawalannya menjadi atau akan menjadi suatu kesalahan sebagaimana yang disebut dalam perenggan (a); atau
 - (d) Mahkamah mengisytiharkan bahawa matlamat yang baginya ia diwujudkan telah gagal atau bahawa terma-terma amanah itu adalah sedemikian rupa hingga pelaksanaannya adalah mustahil.
- (3) Jika sesuatu amanah luar pesisir diwujudkan bagi dua maksud atau lebih yang sebahagiannya adalah sah dan yang lainnya tidak sah—
- (a) keseluruhan amanah itu adalah tidak sah jika maksud yang tidak sah itu tidak dapat diasingkan dengan sewajarnya; atau
 - (h) jika maksud yang tidak sah itu dapat diasingkan dengan sewajarnya, Mahkamah boleh membuat suatu dapatan bahawa amanah itu adalah sah mengenai maksud atau maksud-maksud yang sah itu yang tidak menyentuh kesahan amanah itu sehingga takat dan di bawah syarat yang ditentukan olehnya.
- (4) Jika pemegang amanah sesuatu amanah luar pesisir berpendapat bahawa amanah itu adalah atau mungkin, pada keseluruhannya atau sebahagiannya, tak sah, dia hendaklah mendapatkan arahan daripada Mahkamah tentang kesahan amanah itu dan tentang apa-apa perkara yang berkenaan dengan harta amanah itu dan obligasinya berhubungan dengan amanah itu.
- (5) Seseorang pembuat amanah atau benefisiari sesuatu amanah luar pesisir boleh juga meminta arahan daripada Mahkamah tentang perkara-perkara yang disebut dalam subseksyen (4).

Tak boleh
berkuatkuasa-
nya tuntutan
atau
penghakiman
luar negeri.

10. (1) Jika sesuatu amanah luar pesisir diwujudkan dengan sah mengikut atau sebagaimana yang diperuntukkan oleh Akta ini, Mahkamah tidak boleh mengubahnya atau mengetepikannya atau mengiktiraf kesahan apa-apa tuntutan terhadap harta amanah itu menurut undang-undang suatu bidang kuasa yang lain atau perintah mahkamah daripada suatu bidang kuasa yang lain berkenaan dengan—

- (a) akibat terhadap diri dan ketuanpunyaan daripada suatu perkahwinan atau penamatan perkahwinan;
- (b) hak-hak pewarisan, sama ada dengan wasiat atau tidak, termasuk bahagian tetap suami atau isteri atau saudara-mara;
- (c) apa-apa tuntutan atau perintah mahkamah berkaitan dengan perkara-perkara yang disebut dalam perenggan (a) atau (b) yang berkenaan dengan undang-undang diri pembuat amanah atau benefisiari; atau
- (d) tuntutan pemiutang dalam ketaksolvenan yang tertakluk kepada peruntukan seksyen 11.

(2) Bagi mengelakkan keraguan, adalah dengan ini diisytiharkan bahawa sekiranya ada apa-apa ketidak-konsistenan antara undang-undang yang sepatutnya bagi sesuatu amanah dengan undang-undang diri pembuat amanah atau benefisiari, maka undang-undang yang sepatutnya hendaklah mengatasi undang-undang diri itu.

Amanah luar
pesisir atau
pelupusan
secara fraud.

11. (1) Jika dibuktikan tanpa keraguan munasabah, yang bebannya adalah terletak pada pemiutang yang menuntut, bahawa sesuatu amanah luar pesisir yang diwujudkan atau didaftarkan di Labuan, atau harta yang dilupuskan kepada amanah luar pesisir itu—

- (a) telah diwujudkan atau didaftarkan atau dilupuskan sedemikian oleh atau bagi pihak pembuat amanah dengan niat utama untuk memfraud pemiutang pembuat amanah itu; dan

- (b) telah, pada masa pewujudan atau pendaftaran atau pelupusan itu berlaku, menjadikan pembuat amanah itu tak solven atau tidak mempunyai harta yang dengannya tuntutan pemiutang itu, jika berjaya, dapat diselesaikan,

"maka pewujudan, pendaftaran atau pelupusan itu tidaklah menjadi tak sah atau boleh batal dan amanah luar pesisir itu adalah bertanggung untuk menjelaskan tuntutan pemiutang daripada harta yang jika tidak kerana pewujudan, pendaftaran atau pelupusan itu akan tersedia untuk menjelaskan tuntutan pemiutang itu dan tanggungan itu hanyalah setakat kepentingan yang pembuat amanah itu ada dalam harta itu sebelum pewujudan, pendaftaran, atau pelupusan itu, dan apa-apa pertambahan harta itu, jika ada, selepas itu.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), dalam menentukan sama ada sesuatu amanah luar pesisir yang diwujudkan atau didaftarkan atau sesuatu pelupusan telah menjadikan pembuat amanah tak solven atau tidak mempunyai harta yang dengannya suatu tuntutan pemiutang, jika berjaya, dapat dijelaskan, hendaklah diambil kira nilai pasaran yang berpatutan bagi harta pembuat amanah itu (yang tidak merupakan harta amanah itu atau berhubungan dengan amanah itu), pada masa selepas sahaja pewujudan, pendaftaran, atau pelupusan itu, dan sekiranya nilai pasaran yang berpatutan bagi harta itu melebihi nilai tuntutan pemiutang pada masa itu, maka amanah luar pesisir yang diwujudkan atau didaftarkan sedemikian atau pelupusan itu hendaklah bagi maksud Akta ini disifatkan telah tidak diwujudkan atau didaftarkan sedemikian, atau harta itu dilupuskan, dengan niat utama untuk memfraud pemiutang itu.

(3) Sesuatu amanah luar pesisir yang diwujudkan atau didaftarkan di Labuan dan sesuatu pelupusan harta kepada amanah itu tidaklah menjadi fraud terhadap seseorang pemiutang seseorang pembuat amanah—

- (a) jika pewujudan atau pendaftarannya atau pelupusan itu, berlaku selepas habis tempoh dua

tahun dari tarikh kausa tindakan pemiutang itu terakru; atau

- (b) jika pewujudan atau pendaftarannya, atau pelupusan itu, berlaku sebelum habis tempoh dua tahun dari tarikh kausa tindakan pemiutang terakru dan pemiutang itu gagal memulakan tindakan sedemikian sebelum habis tempoh satu tahun dari tarikh pewujudan atau pendaftaran, atau pelupusan itu.

(4) Sesuatu amanah luar pesisir yang diwujudkan atau didaftarkan di Labuan dan sesuatu pelupusan harta kepada amanah itu tidaklah menjadi suatu fraud terhadap pemiutang seseorang pembuat amanah jika pewujudan atau pendaftaran, atau pelupusan harta berlaku sebelum kausa tindakan pemiutang terhadap pembuat amanah itu terakru atau berbangkit.

(5) Seseorang pembuat amanah tidak boleh dikaitkan dengan suatu niat untuk menfraud seseorang pemiutang semata-mata oleh sebab pembuat amanah itu—

- (a) telah mewujudkan atau mendaftarkan suatu amanah luar pesisir atau telah melupuskan harta kepada amanah itu dalam masa dua tahun dari tarikh kausa tindakan pemiutang itu terakru; atau
- (b) ialah seorang benefisiari.

(6) Jika sesuatu amanah luar pesisir adalah bertanggung untuk menyelesaikan suatu tuntutan pemiutang mengikut cara yang diperuntukkan dalam subseksyen (1) tetapi tidak dapat berbuat sedemikian disebabkan oleh hakikat bahawa harta itu telah dilupuskan, selain daripada kepada seorang pembeli *bonafide* dengan nilai, maka apa-apa pelupusan sedemikian adalah tak sah.

(7) Bagi maksud seksyen ini, tarikh kausa tindakan terakru ialah—

- (a) tarikh perbuatan atau peninggalan yang boleh digunakan untuk membuktikan kausa tindakan

sama ada sebahagiannya atau sepenuhnya; dan jika terdapat lebih daripada satu perbuatan atau jika peninggalan itu merupakan peninggalan yang berterusan, tarikh perbuatan yang pertama atau tarikh peninggalan itu mula berlaku, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan

- (b) dalam hal sesuatu tindakan atas suatu penghakiman, tarikh perbuatan atau peninggalan itu, atau jika terdapat lebih daripada satu perbuatan atau peninggalan itu ialah peninggalan yang berterusan, tarikh perbuatan yang pertama atau tarikh peninggalan itu mula berlaku, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang menyebabkan timbulnya penghakiman itu.

(8) Dalam seksyen ini, istilah "pemiutang" termasuklah mana-mana orang yang mengatakan ada suatu kausa tindakan.

12. (1) Tiap-tiap amanah luar pesisir yang diwujudkan dengan sah mengikut atau sebagaimana yang diperuntukkan oleh Akta ini, sama ada di Labuan atau di luar negara, boleh didaftarkan dengan Lembaga.

Pendaftaran
amanah luar
pesisir.

(2) Pemegang amanah sesuatu amanah luar pesisir adalah bertanggungjawab bagi mendaftarkan amanah luar pesisir dan apa-apa perubahan selepas itu yang berkaitan dengannya di bawah Akta ini, jika amanah luar pesisir itu didaftarkan menurut subseksyen (1).

(3) Pendaftaran sesuatu amanah luar pesisir hendaklah dilaksanakan dengan memfailkan dengan Lembaga perkara-perkara yang berikut:

- (a) suatu pernyataan yang mengandungi—
- (i) nama amanah luar pesisir itu;
 - (ii) tarikh pewujudannya;
 - (iii) nama dan alamat syarikat amanah yang bertindak sebagai pemegang amanah;

- (iv) alamat pejabat berdaftar amanah luar pesisir itu;
 - (v) undang-undang yang sepatutnya bagi amanah luar pesisir itu; dan
- (b) suatu akuan oleh syarikat amanah yang bertindak sebagai pemegang amanah bagi amanah luar pesisir itu bahawa amanah itu memenuhi syarat-syarat Akta ini untuk ia menjadi suatu amanah luar pesisir.
- (4) Lembaga hendaklah, setelah berpuas hati bahawa semua kehendak Akta ini bagi pewujudan suatu amanah luar pesisir telah dipatuhi dan fee yang ditetapkan telah dibayar, mendaftarkan amanah itu dan mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran dengan sewajarnya.
- (5) Apa-apa perubahan kemudiannya dalam butir-butir amanah luar pesisir berdaftar yang disebut dalam subseksyen (3) hendaklah diberitahukan kepada dan didaftarkan dengan Lembaga dalam borang yang ditetapkan dalam masa satu bulan dari perubahan itu dan tidak boleh berkuatkuasa sehingga ia didaftarkan sedemikian.
- (6) Pemegang amanah bagi amanah luar pesisir berdaftar hendaklah memberitahu Lembaga mengenai penamatan amanah itu dalam borang yang ditetapkan dalam masa satu bulan dari penamatan itu.
- (7) Pemegang amanah bagi amanah luar pesisir berdaftar hendaklah memberitahu Lembaga dalam borang yang ditetapkan tentang sama ada amanah itu masih wujud dan sama ada dia masih menjadi pemegang amanahnya tidak lewat daripada satu bulan selepas tiap-tiap ulang tahun pendaftaran amanah itu di Labuan.
- (8) Mana-mana pemegang amanah yang tidak mematuhi kehendak seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan.

Penalti: Sepuluh ribu ringgit.

(9) Bagi maksud subseksyen (8), jika terdapat dua pemegang amanah atau lebih, kehendak seksyen ini hendaklah disifatkan telah dipatuhi oleh semua pemegang amanah asalkan salah seorang daripada mereka mematuhi.

13. Pemegang amanah sesuatu amanah luar pesisir berdaftar boleh member! Lembaga suatu salinan suratcara amanah itu atau apa-apa pindaan kepadanya yang telah diperakui oleh pemegang amanah itu dan Lembaga hendaklah mendaftarkan dan memfailkan salinan itu sebagai salinan yang benar.

Pendaftaran
suratcara
amanah.

14. (1) Tiap-tiap suratcara amanah hendaklah mengandungi nama yang dengannya amanah luar pesisir itu akan dikenali dan didaftarkan dan nama itu hendaklah kekal sehingga amanah itu ditamatkan melainkan jika Lembaga, dengan mengambil kira hal keadaan kes itu, memikirkan patut dibenarkan perubahan nama itu.

Nama dan
pejabat
berdaftar
amanah luar
pesisir.

(2) Pejabat berdaftar sesuatu amanah luar pesisir ialah pejabat berdaftar syarikat amanah yang telah dilantik sebagai pemegang amanah bagi amanah itu dan hendaklah menjadi alamat bagi penyampaian apa-apa dokumen kepada amanah itu.

15. (1) Lembaga hendaklah menyimpan dan menyenggarakan suatu daftar kesemua amanah luar pesisir yang didaftarkan di bawah subseksyen 12(4) dan hendaklah mencatatkan dalam daftar itu apa-apa perubahan butir-butir yang telah diberitahu dengan sewajarnya kepada Lembaga dan apa-apa perkara lain yang difikirkan sesuai oleh Lembaga.

Daftar dan
sekatan bagi
pendedahan

(2) Atas permintaan pemegang amanah sesuatu amanah, dan apabila bukti yang mencukupi diberikan sehingga Lembaga berpuas hati, Lembaga boleh mengeluarkan suatu perakuan yang menyatakan, berdasarkan maklumat yang ada pada Lembaga, bahawa pada tarikh perakuan itu—

(a) pemohon ialah pemegang amanah bagi amanah itu; atau

- (b) suatu salinan suratcara amanah itu sebagaimana yang disalin dan diperakui telah didaftarkan dengan Lembaga menurut seksyen 13.

(3) Tertakluk kepada terma-terma amanah dan apa-apa perintah Mahkamah yang berlawanan dengannya, semua dokumen yang difailkan dengan atau disimpan oleh Lembaga yang berhubungan dengan amanah luar pesisir tidaklah terbuka kepada orang awam untuk diperiksa, dan Lembaga tidak boleh mendedahkan kepada mana-mana orang apa-apa dokumen sedemikian atau apa-apa maklumat yang sampai kepada pengetahuannya dalam pelaksanaan tugasnya di bawah Akta ini.

Tempoh
amanah luar
pesisir.

16. Sesuatu amanah luar pesisir hendaklah, melainkan jika dinyatakan selainnya dalam dan tertakluk kepada terma-terma amanah itu, terus wujud selama tempoh yang tidak melebihi satu ratus tahun; tetapi ia boleh ditamatkan pada bila-bila masa mengikut peruntukan Akta ini.

Pengubahan
dan
pembatalan
amanah luar
pesisir.

17. (1) Sesuatu amanah luar pesisir boleh memperuntukkan dengan nyata—

- (a) bahawa terma-termanya boleh diubah; atau
- (b) bahawa amanah itu sendiri atau kuasa yang boleh dijalankan di bawah amanah itu boleh dibatalkan, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya.

(2) Jika sesuatu amanah luar pesisir memperuntukkan bahawa terma-terma amanah itu boleh diubah, kuasa untuk mengubah itu hendaklah tanpa menjejaskan kuasa yang terletak pada Mahkamah oleh Akta ini bagi pengubahan terma-terma amanah itu.

(3) Tiada pengubahan terma-terma sesuatu amanah luar pesisir atau pembatalan sesuatu amanah luar pesisir atau kuasa yang boleh dijalankan di bawah sesuatu amanah luar pesisir boleh menjejaskan apa-apa jua yang telah dilakukan dengan sah oleh seseorang pemegang amanah berhubungan dengan sesuatu amanah luar pesisir sebelum dia menerima notis tentang pengubahan atau pembatalan itu.

(4) Tertakluk kepada terma-terma amanah itu, jika sesuatu amanah luar pesisir dibatalkan, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, maka pemegang amanah hendaklah memegang harta amanah yang terjejas oleh pembatalan itu bagi pembuat amanah secara mutlak atau, jika pembuat amanah sudah meninggal dunia, bagi wakil diri atau harta pusaka pembuat amanah itu.

18. (1) Tertakluk kepada terma-terma sesuatu amanah luar pesisir dan apa-apa perintah Mahkamah, harta amanah atau kepentingan di bawah amanah itu hendaklah dipegang oleh pemegang amanah sebagai amanah bagi pembuat amanah secara mutlak atau, jika pembuat amanah meninggal dunia, bagi wakil diri atau harta pusaka pembuat amanah itu jika—

Kegagalan
atau
peluputan
kepentingan.

- (a) kepentingan yang berkenaan itu luput;
- (b) harta amanah itu terletak pada seseorang selain daripada bagi faedahnya semata-mata tetapi amanah yang baginya dia kena memegang harta itu tidak diisytiharkan atau disampaikan kepadanya;
- (c) tiada benefisiari dan tiada orang yang boleh menjadi benefisiari mengikut terma-terma amanah itu; atau
- (d) amanah itu tamat selain daripada menurut seksyen 19.

(2) Jika harta amanah atau kepentingan di bawah amanah itu dipegang oleh pemegang amanah bagi maksud khairat yang sudah tidak lagi wujud atau tidak lagi terpakai, harta atau kepentingan itu hendaklah dipegang bagi maksud khairat sedemikian sebagaimana yang diisytiharkan oleh Mahkamah sebagai konsisten dengan niat asal pembuat amanah atau sebagaimana yang ditentukan oleh Mahkamah selainnya.

(3) Sesuatu permohonan kepada Mahkamah di bawah seksyen ini boleh dibuat oleh mana-mana pemegang amanah atau benefisiari, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Dalam seksyen ini, "pembuat amanah" ertinya orang yang tertentu yang mengadakan harta amanah atau kepentingan di bawah amanah yang disebut dalam subseksyen (1).

Penamatan
amanah luar
pesisir.

19. (1) Tanpa menjejaskan kuasa Mahkamah di bawah subseksyen (4) dan walau apa pun terma-terma amanah itu, jika semua benefisiari sesuatu amanah luar pesisir ada dan telah ditentukan dan tiada seorang pun daripada mereka ialah orang belum dewasa atau orang yang tak upaya di sisi undang-undang, mereka boleh menghendaki pemegang amanah supaya menamatkan amanah itu dan membahagikan harta amanah itu di kalangan mereka.

(2) Apabila amanah itu ditamatkan, pemegang amanah hendaklah membahagikan harta amanah itu kepada orang yang berhak kepadanya dalam masa yang munasabah dan mengikut terma-terma amanah itu.

(3) Pemegang amanah boleh menyimpan aset yang mencukupi untuk mengadakan peruntukan yang munasabah bagi liabiliti, sama ada yang sedia ada, akan datang, kontingen atau selainnya, sebelum membahagikan harta amanah itu di bawah subseksyen (2).

(4) Mahkamah boleh, apabila tamat sesuatu amanah atau pada bila-bila masa selepas itu, atas permohonan yang dibuat oleh pemegang amanah atau mana-mana benefisiari—

- (a) menghendaki pemegang amanah membahagikan harta amanah itu;
- (b) mengarahkan pemegang amanah itu supaya tidak membahagikan harta amanah itu; atau
- (c) membuat apa-apa perintah lain yang difikirkannya patut.

Pendomisilan
semula
amanah luar
negeri ke
Labuan.

20. Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, sesuatu amanah yang ditubuhkan atau diwujudkan mengikut undang-undang mana-mana negara selain daripada Malaysia, atau mengikut mana-mana bidang kuasa di dalam sesuatu negara

sedemikian, boleh, jika dibenarkan sedemikian oleh undang-undang negara atau bidang kuasa itu, atau terma-terma amanah itu dan undang-undang yang sepatutnya bagi amanah itu, dikuatkuasakan, diiktiraf atau didaftarkan di Labuan seolah-olah ia telah diwujudkan di bawah Akta ini.

21. (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini dan terma-terma amanah itu dan undang-undang yang sepatutnya bagi amanah itu, sesuatu amanah luar pesisir yang diwujudkan dengan sah atau diiktiraf di bawah Akta ini boleh dipindahkan kepada dan menjadi suatu amanah di bawah undang-undang suatu negara lain atau suatu bidang kuasa di dalam negara itu.

Migrasi
amanah luar
pesisir dari
Labuan.

(2) Sesuatu amanah luar pesisir yang telah dipindahkan ke Labuan sebelumnya di bawah peruntukan seksyen 20 boleh dipindahkan ke dan menjadi suatu amanah di bawah undang-undang suatu negara lain atau suatu bidang kuasa di dalam negara itu mengikut seksyen ini.

BAHAGIAN III

BENEFISIARI AMANAH LUAR PESISIR

22. (1) Tertakluk kepada subseksyen 4(3), seseorang **Benefisiari.** benefisiari hendaklah—

(a) boleh dikenal pasti dengan nama; atau

(b) boleh ditentukan dengan merujuk kepada sesuatu kelas atau kepada sesuatu pertalian dengan seseorang, sama ada atau tidak masih hidup pada masa yang, di bawah terma-terma amanah luar pesisir itu, ialah masa yang berkaitan dengannya anggota sesuatu kelas itu hendaklah ditentukan.

(2) Jika tiada benefisiari yang boleh dikenal pasti atau ditentukan mengikut subseksyen (1), amanah itu tidak sah melainkan jika maksudnya itu ialah maksud khairat.

(3) Seseorang pembuat amanah atau seseorang pemegang amanah luar pesisir boleh menjadi benefisiari

amanah itu juga, tetapi jika dia ialah pemegang amanah tunggal, dia tidak boleh menjadi seorang benefisiari juga di bawahnya.

(4) Terma-terma suatu amanah luar pesisir boleh mengadakan peruntukan bagi—

- (a) penambahan seseorang sebagai seorang benefisiari;
- (b) pengetepian benefisiari daripada mendapat faedah; atau
- (c) pengenaan ke atas seseorang benefisiari suatu obligasi sebagai suatu syarat bagi mendapat faedah.

Penolak-
tuntutan.

23. (1) Seseorang benefisiari boleh menolak keseluruhan kepentingannya.

(2) Sesuatu penolaktuntutan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat secara bertulis dan tak boleh batal.

(3) Tertakluk kepada terma-terma sesuatu amanah luar pesisir, seseorang benefisiari boleh menolak tuntutan sebahagian daripada kepentingannya, sama ada atau tidak dia telah menerima apa-apa faedah daripada kepentingannya.

(4) Sesuatu penolaktuntutan yang dibuat di bawah subseksyen (3) boleh, tertakluk kepada terma-terma amanah itu, menjadi boleh batal dan ia hendaklah dijalankan mengikut cara dan dalam hal keadaan yang dinyatakan sedemikian.

Kepentingan
benefisiari
dan urusan
mengenaunya.

24. (1) Walau pun harta amanah sesuatu amanah luar pesisir termasuk harta tak alih, kepentingan seseorang benefisiari apa-apa amanah luar pesisir hendaklah terdiri daripada harta alih sahaja.

(2) Jika terma-terma amanah memperuntukkan sedemikian, seseorang benefisiari boleh, melalui suratcara bertulis, menjual, menggadaikan, memindahkan atau

selainnya berurusan tentang kepentingannya mengikut apa-apa cara.

25. (1) Tertakluk kepada terma-terma amanah itu, yang berikut hendaklah terpakai jika sesuatu amanah, atau sesuatu kepentingan di bawah suatu amanah, berpihak kepada sesuatu golongan orang: Kepentingan kelas.

- (a) sesuatu kelas tertutup apabila tiada kemungkinan lagi bagi mana-mana orang lain menjadi anggota kelas itu;
- (b) seseorang wanita yang umurnya melebihi lima puluh lima tahun hendaklah disifatkan tidak boleh hamil lagi;
- (c) jika apa-apa kepentingan kelas adalah berhubungan dengan pendapatan dan bagi apa-apa tempoh tiada anggota dalam kelas itu wujud, pendapatan itu hendaklah dikumpulkan dan tertakluk kepada seksyen 16, hendaklah disimpan sehingga ada anggota kelas itu yang wujud atau kelas itu tertutup.

(2) Dalam seksyen ini "kepentingan kelas" ertinya suatu amanah atau suatu kepentingan di bawah suatu amanah yang berpihak kepada suatu golongan orang.

BAHAGIAN IV

PEMEGANG AMANAH BAGI AMANAH LUAR PESISIR

26. (1) Pemegang amanah adalah dilantik oleh atau sebagaimana yang diperuntukkan dalam suratcara amanah dan mengikut apa-apa bilangan yang diperuntukkan dalamnya. Pelantikan pemegang amanah.

(2) Tiada sekatan dikenakan ke atas bilangan pemegang amanah yang boleh diperuntukkan dalam suratcara amanah tetapi—

- (a) jika hanya ada seorang pemegang amanah, pemegang amanah itu hendaklah suatu syarikat amanah; dan

- (b) jika ada lebih daripada seorang pemegang amanah, salah seorang daripada pemegang amanah itu hendaklah suatu syarikat amanah.

(3) Jika tiada pemegang amanah dilantik atau diperuntukkan oleh suratcara amanah atau terdapat kekosongan di kalangan pemegang amanah yang tidak dapat diisi selainnya, mana-mana pemegang amanah yang menakat atau berterusan, mana-mana benefisiari atau bekas pemegang amanah yang terakhir, mengikut kehendak hal keadaan, boleh memohon kepada Mahkamah bagi pelantikan pemegang amanah yang baru.

(4) Mahkamah boleh membuat suatu perintah melantik pemegang amanah baru jika—

- (a) dalam hal jika suatu permohonan di bawah subseksyen (3) dibuat oleh benefisiari, Mahkamah berpuas hati bahawa permohonan yang dibuat oleh benefisiari itu telah disampaikan kepada bekas pemegang amanah yang terakhir atau kepada sekurang-kurangnya seorang daripada pemegang amanah yang menakat atau yang berterusan, jika ada;
- (b) ia telah mendengar representasi yang dibuat oleh bekas pemegang amanah yang terakhir itu, pemegang amanah yang menakat atau yang berterusan itu atau mana-mana benefisiari; dan
- (c) ia telah menentukan bahawa orang yang dinyatakan dalam permohonan itu atau yang selainnya yang dimaksudkan supaya dilantik sebagai pemegang amanah baru sanggup berbuat demikian.

(5) Tertakluk kepada terma-terma amanah, seseorang pemegang amanah baru yang dilantik di bawah seksyen ini hendaklah mempunyai kuasa, budi bicara dan kewajipan yang sama dan boleh dalam segala perkara bertindak seolah-olah dia telah dari mulanya dilantik sebagai pemegang amanah oleh suratcara amanah.

(6) Apabila seseorang pemegang amanah baru dilantik, apa-apa jua kehendak bagi meletakkan harta amanah pada, atau di bawah kawalan, pemegang amanah itu hendaklah dibuat.

27. (1) Tiada seorang pun wajib menerima pelantikan sebagai pemegang amanah tetapi jika sesuatu syarikat amanah yang dilantik sebagai pemegang amanah melakukan apa-apa perbuatan atau benda berhubungan dengan harta amanah itu yang konsisten dengan status pemegang amanah harta amanah itu, maka syarikat amanah itu hendaklah disifatkan telah menerima pelantikan sebagai pemegang amanah.

Penerimaan
pelantikan
sebagai
pemegang
amanah.

(2) Sesuatu syarikat amanah yang tidak menerima atau yang tidak disifatkan telah menerima pelantikan sebagai pemegang amanah boleh menolak pelantikan itu dalam tempoh masa yang munasabah selepas ia sedar tentang pelantikan itu dengan memberikan suatu notis bertulis kepada pembuat amanah atau kepada pemegang amanah yang lain.

(3) Jika pembuat amanah mati atau tidak dapat ditemui atau tidak wujud lagi dan tiada pemegang amanah lain, maka syarikat amanah yang menolak pelantikan sebagai pemegang amanah di bawah subseksyen (2) boleh memohon kepada Mahkamah supaya dibebaskan daripada pelantikan itu dan Mahkamah boleh membuat apa-apa perintah yang difikirkannya patut.

28. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan terma-terma amanah, seseorang pemegang amanah boleh meletakkan jawatan dengan menyerahkan kepada—

Peletakan
jawatan
sebagai
pemegang
amanah.

(a) pembuat amanah atau, jika tiada pembuat amanah, sekurang-kurangnya seorang benefisiari; dan

(b) dalam hal amanah luar pesisir berdaftar, Lembaga,

suatu notis bertulis tentang niatnya itu dan peletakan jawatan itu hendaklah mula berkuatkuasa pada masa notis itu diserahkan.

(2) Sesuatu peletakan jawatan tidak berkuatkuasa jika—

- (a) ia diberikan untuk memudahkan suatu pecah amanah ; atau
- (b) ia akan mengakibatkan tidak ada pemegang amanah, melainkan jika, sebelum peletakan jawatan itu mula berkuatkuasa, permohonan dibuat kepada Mahkamah bagi pelantikan seorang pemegang amanah yang baru dan seorang pemegang amanah yang baru telah dilantik.

Kekosongan
dalam
sesuatu
amanah.

29. (1) Seseorang pemegang amanah hendaklah terhenti menjadi pemegang amanah dan tempatnya sebagai pemegang amanah hendaklah dianggap kosong apabila—

- (a) dia dipecat sebagai pemegang amanah oleh Mahkamah;
- (b) peletakan jawatannya mula berkuatkuasa;
- (c) mula berkuatkuasa suatu peruntukan dalam terma-terma amanah yang di bawahnya pemegang amanah itu dipecat daripada jawatannya atau selainnya terhenti memegang jawatan; atau
- (d) langkah-langkah diambil bagi penggulangan syarikat amanah yang bertindak sebagai pemegang amanah.

(2) Seseorang yang terhenti menjadi pemegang amanah di bawah seksyen ini hendaklah melakukan segala yang perlu untuk meletakhakkan harta amanah pada pemegang amanah baru atau kepada pemegang amanah yang menakat atau yang berterusan.

Kewajipan
pemegang
amanah

30. (1) Seseorang pemegang amanah hendaklah, dalam melaksanakan kewajipannya dan menjalankan kuasa dan budi bicaranya, bertindak dengan usaha wajar sebagaimana seorang yang berhemat akan bertindak dengan sedaya upaya dan dengan kemahiran terbaiknya dan dengan setulus-tulusnya.

(2) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, seseorang pemegang amanah hendaklah menjalankan dan mentadbirkan amanah itu mengikut terma-termanya dan hendaklah—

- (a) memastikan bahawa harta amanah itu terletaklah padanya atau selainnya di bawah kawalannya; dan
- (b) setakat yang munasabah, memelihara dan menambah nilai harta amanah itu.

(3) Kecuali sebagaimana yang dibenarkan selainnya oleh Akta ini atau yang diperuntukkan dengan nyata oleh terma-terma amanah, seseorang pemegang amanah tidak boleh—

- (a) mendapatkan keuntungan, secara langsung atau tak langsung, daripada peramanahannya itu;
- (b) menyebabkan atau membenarkan mana-mana orang, selain daripada seseorang yang dilantik atau diwakilkan dengan sepatutnya oleh pemegang amanah di bawah Akta ini atau oleh Mahkamah atau menurut terma-terma amanah itu untuk mendapat keuntungan, secara langsung atau tak langsung daripada peramanahan itu; atau
- (c) bagi pihaknya sendiri membuat apa-apa transaksi dengan pemegang amanah yang lain, atau berhubungan dengan harta amanah itu, yang boleh menghasilkan keuntungan itu,

tanpa kelulusan Mahkamah.

(4) Seseorang pemegang amanah hendaklah menyimpan akaun dan rekod yang tepat mengenai peramanahannya dan hendaklah memberikan suatu akaun mengenai peramanahan itu sebagaimana yang dikehendaki oleh terma-terma amanah itu atau oleh suatu perintah Mahkamah.

(5) Seseorang pembuat amanah atau mana-mana benefisiari boleh memohon kepada Mahkamah bagi mendapatkan suatu perintah untuk menghendaki pemegang amanah memberikan suatu akaun mengenai peramanaharinya itu kepada mana-mana daripada mereka.

(6) Seseorang pemegang amanah hendaklah menyimpan harta amanah secara berlainan dan berasingan daripada hartanya sendiri dan secara yang dapat dikenal pasti secara-berasingan daripada mana-mana harta lain yang baginya dia ialah pemegang amanah atau yang kepadanya dia berhak secara benefisial.

Kewajipan
pemegang
amanah
bersama.

31. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan terma-terma amanah, jika ada lebih daripada seorang pemegang amanah, semua pemegang amanah itu hendaklah—

- (a) bertindak bersesama dalam melaksanakan kewajipan mereka dan menjalankan kuasa mereka; dan
- (b) tidak menjalankan apa-apa kuasa atau budi bicara melainkan jika semua pemegang amanah bersetuju.

(2) Jika terma-terma amanah memberi pemegang amanah kuasa untuk bertindak secara majoriti—

- (a) seseorang pemegang amanah yang tak setuju dengan keputusan majoriti pemegang amanah hendaklah menyebabkan ketaksetujuannya direkodkan secara bertulis;
- (b) walau apa pun apa-apa yang terkandung dalam terma-terma amanah, tidaklah sah atau mempunyai kuatkuasa apa-apa perbuatan, keputusan, kuasa atau budi bicara yang hendaklah dilakukan, diambil atau dijalankan oleh pemegang amanah secara majoriti jika ia dilakukan, diambil atau dijalankan tanpa persetujuan syarikat amanah yang bertindak sebagai salah seorang pemegang amanah bagi amanah itu.

32. Tertakluk kepada terma-terma amanah dan tanpa menjejaskan pelaksanaan budi bicara yang diberikan kepada pemegang amanah oleh terma-terma amanah itu, seseorang pemegang amanah hendaklah saksama dan tidak boleh menyempurnakan amanah itu bagi faedah seseorang benefisiari atau sesuatu maksud khairat dengan menjejaskan benefisiari atau maksud khairat yang lain jika ada lebih daripada seorang benefisiari atau satu maksud khairat di bawah amanah itu, atau bagi faedah seseorang benefisiari dengan menjejaskan maksud khairat atau sebaliknya, jika amanah itu mempunyai seorang benefisiari dan satu maksud khairat sahaja.

Kesaksamaan pemegang amanah.

33. (1) Tertakluk kepada terma-terma amanah dan peruntukan Akta ini, seseorang pemegang amanah hendaklah mempunyai semua kuasa pemunya benefisial berhubung dengan harta amanah.

Kuasa pemegang amanah.

(2) Seseorang pemegang amanah hendaklah menjalankan kuasanya demi kepentingan benefisiari dan mengikut terma-terma amanah itu.

34. (1) Pembuat amanah sesuatu amanah boleh memberi pemegang amanah suatu surat mengenai hasratnya atau pemegang amanah boleh menyediakan suatu memorandum mengenai hasrat pembuat amanah itu berhubung dengan perjalanan apa-apa fungsi yang diberikan kepada pemegang amanah itu oleh terma-terma amanah itu.

Surat atau memorandum hasrat.

(2) Seseorang benefisiari sesuatu amanah boleh memberi pemegang amanah suatu surat mengenai hasratnya atau pemegang amanah boleh menyediakan suatu memorandum mengenai hasrat benefisiari itu berhubung dengan perjalanan apa-apa fungsi yang diberikan kepada pemegang amanah itu oleh terma-terma amanah itu.

(3) Jika sesuatu amanah memihak kepada suatu kelas orang, maka seseorang anggota kelas itu boleh memberi pemegang amanah suatu surat mengenai hasratnya atau pemegang amanah itu boleh menyediakan suatu memorandum mengenai hasrat anggota itu berhubung dengan perjalanan apa-apa fungsi yang diberikan kepada pemegang amanah itu oleh terma-terma amanah itu.

(4) Jika sesuatu surat hasrat atau memorandum hasrat diberikan kepada atau disediakan oleh pemegang amanah suatu amanah, dia boleh mengambil kira surat atau memorandum itu dalam menjalankan apa-apa fungsi yang diberikan kepadanya oleh terma-terma amanah itu tetapi tidaklah bertanggungjawab dengan apa-apa cara pun bagi kegagalan atau keengganannya untuk mengambil kira surat atau memorandum itu.

(5) Tiada kewajiban atau obligasi fidusiari boleh dikenakan ke atas pemegang amanah semata-mata oleh sebab suatu surat hasrat telah diberikan kepadanya atau dia telah menyediakan suatu memorandum hasrat.

Pelantikan
pelindung.

35. (1) Terma-terma sesuatu amanah boleh secara nyata membuat peruntukan bagi pelantikan seorang pelindung amanah itu yang hendaklah dirundingi oleh pemegang amanah dalam menjalankan semua kuasa atau kuasa-kuasa tertentu sebagaimana yang diperuntukkan dalam terma-terma amanah itu, tetapi jika pelindung itu tidak dapat ditemui, Mahkamah boleh atas permohonan oleh pemegang amanah mengetepikan kehendak itu.

(2) Jika terma-terma amanah itu menghendaki pemegang amanah mendapatkan persetujuan pelindung itu sebelum menjalankan sesuatu kuasa atau budi bicara, pelindung yang memberikan persetujuan sedemikian tidaklah dengan berbuat sedemikian boleh dianggap sebagai seorang pemegang amanah.

(3) Melainkan jika diketepikan selainnya dengan nyata oleh terma-terma amanah itu, seseorang pelindung adalah mempunyai kuasa untuk memecat pemegang amanah atau melantik pemegang amanah yang baru atau pemegang amanah tambahan, tetapi jika pelindung itu memecat sesuatu syarikat amanah sebagai pemegang amanah, pelindung hendaklah melantik suatu syarikat amanah yang lain sebagai pemegang amanah yang baru sebagai gantinya.

Pewakilan
kuasa oleh
pemegang
amanah.

36. (1) Seorang pemegang amanah tidak boleh mewakili kuasanya melainkan jika dibenarkan berbuat demikian oleh Akta ini atau oleh terma-terma amanah itu atau oleh Mahkamah.

(2) Seorang pemegang amanah boleh, melainkan jika terma-terma amanah dengan khususnya memperuntukkan sebaliknya—

- (a) melantik atau mewakilkan pengurusan harta amanah kepada pengurus pelaburan yang dianggap dengan munasabah oleh pemegang amanah itu sebagai kompeten dan berkeelayakan untuk menguruskan pelaburan harta amanah;
- (b) melantik seorang ejen, sama ada peguamcara, jurubank, broker saham atau mana-mana orang lain, untuk menjalankan apa-apa urusan atau membuat apa-apa tindakan yang dikehendaki untuk dijalankan atau dibuat dalam menyempurnakan amanah itu atau memegang mana-mana harta amanah; dan
- (c) membenarkan mana-mana pengurus atau ejen itu untuk menyimpan apa-apa komisen atau bayaran lain yang biasanya boleh dibayar bagi perkhidmatan daripada perihalan itu yang diberikan.

(3) Seorang pemegang amanah yang dengan suci hati dan tidak abai membuat suatu pelantikan atau suatu pewakilan mengikut peruntukan seksyen ini tidak boleh dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kerugian kepada amanah itu akibat daripada pelantikan atau pewakilan itu atau daripada keingkaran mana-mana orang yang dilantik atau wakil jika pemegang amanah itu telah bertindak dengan kemahiran dan cermat seperti yang sewajarnya dalam pemilihan orang yang dilantik atau wakil itu.

37. (1) Melainkan jika terma-terma amanah memperuntukkan yang sebaliknya, pemegang amanah boleh, dengan surat kuasa wakil, mewakilkan bagi suatu tempoh yang tidak melebihi dua belas bulan, pelaksanaan mana-mana amanah atau fungsi yang terletak padanya, sama ada berseorangan atau bersejajarnya, sebagai pemegang amanah kecuali kuasa untuk memberikan surat kuasa wakil di bawah seksyen ini.

Surat kuasa
wakil.

(2) Pemegang amanah yang mewakilkan sesuatu amanah atau fungsi dengan surat kuasa wakil di bawah seksyen ini hendaklah disebut "pemberi kuasa wakil" dalam seksyen ini dan orang yang kepadanya amanah atau fungsi itu diwakilkan disebut "penerima kuasa wakil".

(3) Seseorang yang merupakan satu-satunya pemegang amanah bersama yang lain bagi pemberi kuasa wakil itu tidak boleh menjadi penerima kuasa wakil.

(4) Pemberi kuasa wakil hendaklah, dalam masa tujuh hari dari pemberian surat kuasa wakil di bawah seksyen ini, memberikan notis bertulis tentang perwakilan itu kepada—

- (a) mana-mana orang lain yang di bawah terma-terma amanah mempunyai kuasa, sama ada berseorangan atau berse-sama, untuk melantik pemegang amanah yang baru;
- (b) tiap-tiap pemegang amanah bersama; dan
- (c) dalam hal amanah berdaftar, Lembaga.

(5) Notis di bawah subseksyen (4) hendaklah menyatakan—

- (a) tarikh mula berkuatkuasa dan jangka masa surat kuasa wakil itu;
- (b) nama dan alamat penerima kuasa wakil itu;
- (c) sebab bagi pemberian surat kuasa wakil itu; dan
- (d) amanah atau fungsi yang diwakilkan.

(6) Kegagalan pemberi kuasa wakil untuk mematuhi subseksyen (4) atau (5) tidaklah sendirinya, dengan memihak kepada orang yang berurusan dengan penerima kuasa wakil itu, mentaksahkan apa-apa jua yang dilakukan oleh penerima kuasa wakil itu.

(7) Pemberi kuasa wakil adalah terikat dan bertanggung bagi semua tindakan atau keingkaran

penerima kuasa wakil yang dibuat atau yang berupa sebagai dibuat di bawah surat kuasa wakil itu seolah-olah tindakan atau keingkaran itu adalah tindakan atau keingkarannya sendiri,

(8) Peruntukan seksyen ini tidaklah terpakai bagi sesuatu syarikat amanah yang bertindak sebagai pemegang amanah.

38. (1) Jika terma-terma amanah mengarahkan atau membenarkan pengumpulan selama suatu tempoh semua atau sebahagian daripada pendapatan amanah itu, pemegang amanah hendaklah mengagihkan pendapatan amanah yang tidak dikumpulkan sebagaimana yang diarahkan atau dibenarkan oleh terma-terma amanah itu.

Pengumpulan,
pendahuluan
atau
penguntungan
harta
amanah.

(2) Tertakluk kepada terma-terma amanah, dan tertakluk kepada apa-apa kepentingan atau tanggungan yang terdahulu yang menyentuh harta amanah itu, jika seseorang benefisiari ialah orang belum dewasa dan sama ada atau tidak kepentingannya merupakan kepentingan yang terletak hak atau kepentingan yang akan terletak hak apabila dia mencapai umur dewasa atau umur yang melebihi umur dewasa atau apabila berlaku apa-apa kejadian, pemegang amanah boleh—

- (a) mengumpulkan pendapatan yang berkaitan dengan kepentingan benefisiari itu sementara menanti dia mencapai umur dewasa atau umur yang melebihi umur dewasa atau berlakunya apa-apa kejadian itu;
- (b) membayar kepada ibu atau bapa atau penjaganya atau selainnya menggunakan pendapatan atau sebahagian daripada pendapatan itu bagi penyaraan, pendidikan atau faedah lain benefisiari itu; atau
- (c) mendahulukan atau menguntukkan kepada atau bagi faedah mana-mana benefisiari itu pendapatan itu atau sebahagian daripada pendapatan itu.

(3) Resit yang diberikan oleh ibu atau bapa atau penjaga yang sah seseorang benefisiari yang belum dewasa hendaklah menjadi pelepasan yang mencukupi bagi pemegang amanah bagi pembayaran yang dibuat di bawah subseksyen (2).

(4) Tertakluk kepada terma-terma amanah dan kepada apa-apa kepentingan atau tanggungan terdahulu yang menyentuh harta amanah, pemegang amanah boleh membuat pendahuluan atau menggunakan bagi faedah benefisiari sebahagian daripada harta amanah sebelum tarikh berlakunya sesuatu kejadian yang sekiranya berlaku akan menjadikan benefisiari berhak sepenuhnya kepada harta amanah itu.

(5) Tertakluk kepada terma-terma amanah, pemegang amanah boleh menguntukkan harta amanah untuk atau bagi memenuhi kepentingan benefisiari dengan apa-apa cara dan mengikut apa-apa penilaian yang difikirkan patut oleh pemegang amanah.

(6) Tertakluk kepada terma-terma amanah, mana-mana bahagian harta amanah yang didahulukan, digunakan atau diuntukkan di bawah seksyen ini hendaklah diambil kira dalam menentukan dari semasa ke semasa bahagian benefisiari itu dalam harta amanah itu.

(7) Tiada bahagian harta amanah yang didahulukan, digunakan atau diuntukkan sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen ini boleh melebihi bahagian anggapan, kontingen atau terletakhak bagi benefisiari itu dalam harta amanah itu.

Penetapan
atau
penyerahhakan
harta amanah.

39. Jika terma-terma amanah memberi pemegang amanah atau mana-mana orang lain kuasa untuk menetapkan atau menyerahhakan semua atau mana-mana bahagian harta amanah atau mana-mana kepentingan dalam harta amanah itu kepada mana-mana orang atau kepada pemegang amanah bagi faedah mana-mana orang, kuasa itu hendaklah, tertakluk kepada terma-terma amanah, mempunyai kuatkuasa sama ada atau tidak orang itu merupakan benefisiari amanah itu sebelum sahaja penetapan atau penyerahhakan itu.

40. (1) Seseorang pemegang amanah tidak berhak mendapat apa-apa saraan bagi perkhidmatan yang diberikan melainkan jika dibenarkan—

Saraan dan perbelanjaan.

- (a) oleh terma-terma amanah itu;
- (b) melalui persetujuan bertulis semua benefisiari yang dapat dikenal pasti atau dapat ditentukan; atau
- (c) oleh suatu perintah Mahkamah.

(2) Seseorang pemegang amanah boleh membayar balik kepada dirinya sendiri atau membayar daripada amanah semua perbelanjaan dan liabiliti yang semunasabahnya dilakukan olehnya berkaitan dengan amanah itu.

41. (1) Tertakluk kepada terma-terma amanah dan kepada apa-apa perintah Mahkamah yang diberikan atas sebab-sebab khas dan luar biasa, seseorang pemegang amanah atau mana-mana orang lain tidak boleh dikehendaki supaya mendedahkan kepada mana-mana orang apa-apa dokumen atau maklumat yang mendedahkan—

Kerahsiaan yang berhubungan dengan amanah.

- (a) pertimbangtelitiannya tentang bagaimana dia patut menjalankan atau telah menjalankan fungsinya sebagai pemegang amanah;
- (b) sebab-sebab bagi apa-apa keputusan yang dibuat pada menjalankan fungsi-fungsi itu;
- (c) apa-apa benda yang berdasarkan keputusan itu telah atau mungkin dibuat;
- (d) mana-mana bahagian akaun amanah itu; atau
- (e) apa-apa surat hasrat yang diberikan oleh pembuat amanah atau benefisiari.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), jika permintaan supaya didedahkan apa-apa dokumen atau maklumat yang berhubungan dengan atau menjadi sebahagian daripada akaun amanah dibuat oleh benefisiari di bawah amanah itu atau, dalam hal suatu amanah bagi maksud khairat,

oleh suatu khairat yang disebut dengan nama dalam suratcara amanah sebagai seorang benefisiari di bawah amanah itu, pemegang amanah wajib mendedahkan dokumen atau maklumat lain yang diminta.

(3) Kecuali sebagaimana yang dikehendaki, dibenarkan atau selainnya diperuntukkan oleh Akta ini, atau oleh terma-terma amanah atau sebagaimana yang perlu bagi maksud amanah itu, dan walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang lain—

- (a) tiap-tiap pemegang amanah dan tiap-tiap orang lain hendaklah pada setiap masa menganggap dan memperlakukan semua dokumen dan maklumat berhubungan dengan sesuatu amanah sebagai rahsia dan sulit;
- (b) tiada pemegang amanah atau orang lain boleh pada bila-bila masa dikehendaki untuk mengemukakan kepada atau di hadapan mana-mana mahkamah, tribunal, lembaga, jawatankuasa penyiasatan atau mana-mana pihak berkuasa yang lain atau menzahirkan kepada mana-mana pihak berkuasa itu apa-apa perkara atau benda yang sampai kepada pengetahuannya atau ada dalam miliknya kerana apa-apa sebab jua pun, jika perkara atau benda itu berhubungan dengan suatu amanah.

(4) Mana-mana pemegang amanah atau orang lain yang, kecuali sebagaimana yang dikehendaki, dibenarkan atau selainnya diperuntukkan oleh Akta ini, atau oleh terma-terma amanah itu atau oleh Mahkamah, pada bila-bila masa menyampaikan atau cuba untuk menyampaikan apa-apa perkara atau benda berhubungan dengan sesuatu amanah kepada mana-mana orang adalah melakukan suatu kesalahan.

Penalti : Pemenjaraan selama lima tahun atau tiga puluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

Liabiliti
bagi pecah
amanah.

42. (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini dan terma-terma amanah, seseorang pemegang amanah yang

melakukan atau menyertai suatu pecah amanah adalah, tanpa menjejaskan mana-mana liabiliti yang lain, bertanggung bagi—

- (a) apa-apa kerugian atau susut nilai harta amanah itu akibat daripada pecah amanah itu; dan
- (b) apa-apa keuntungan yang sepatutnya terakru kepada amanah itu sekiranya tiada pecah amanah sedemikian.

(2) Dalam hal suatu pecah amanah yang dilakukan atau disertai oleh suatu syarikat amanah yang bertindak sebagai pemegang amanah, tiap-tiap orang yang, pada masa pecah amanah itu, adalah seorang pengarah syarikat amanah itu hendaklah, tertakluk kepada subseksyen (3), disifatkan menjadi seorang penjamin syarikat amanah itu berkenaan dengan apa-apa ganti rugi dan kos yang mungkin diawardkan oleh Mahkamah terhadap syarikat amanah itu berkenaan dengan pecah amanah itu.

(3) Mahkamah boleh melepaskan seseorang pengarah sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya daripada liabiliti dirinya sendiri sebagai seorang penjamin jika dia menjadikan Mahkamah berpuas hati bahawa untuk berlaku adil dia patut dilepaskan sedemikian kerana—

- (a) dia tidak sedar tentang pecah amanah itu atau tentang niat untuk melakukannya dan, kerana dia tidak sedar, dia tidaklah bertindak secara melulu atau cuai; atau
- (b) dia dengan nyata membuat bantahan, dan menjalankan apa-apa hak yang ada padanya dalam bentuk kuasa mengundi atau selainnya sebagai seorang pemegang syer atau pengarah atau pegawai lain syarikat itu, untuk cuba mencegah pecah amanah itu.

(4) Seseorang pemegang amanah tidaklah bertanggung bagi sesuatu pecah amanah yang dilakukan sebelum pelantikannya jika pecah amanah itu dilakukan oleh orang lain, tetapi pemegang amanah itu hendaklah

mengambil segala langkah yang munasabah untuk meremedikan akibat-akibat atau apa-apa kerugian yang timbul daripada pecah amanah itu.

(5) Seseorang pemegang amanah tidaklah bertanggung bagi pecah amanah yang dilakukan oleh seseorang pemegang amanah bersama melainkan jika—

- (a) dia sedar atau sepatutnya sedar tentang pecah amanah itu atau niat pemegang amanah bersama itu tentang pecah amanah itu; dan
- (b) dia secara aktif menyembunyikan pecah amanah itu atau niat itu atau tidak dalam masa yang munasabah mengambil langkah yang wajar bagi melindungi atau memulihkan harta amanah itu atau mencegah pecah amanah itu.

(6) Tertakluk kepada terma-terma amanah, seseorang pemegang amanah tidaklah bertanggung—

- (a) bagi keingkaran seseorang pemegang amanah bersama melainkan jika dia—
 - (i) menyertai keingkaran pemegang amanah itu; atau
 - (ii) tidak mengambil langkah berhati-hati yang munasabah untuk mencegahnya;
- (b) bagi apa-apa kerugian kepada harta amanah, melainkan jika kerugian itu disebabkan oleh—
 - (i) keingkaran, perbuatan atau persetujuannya yang disengajakan; atau
 - (ii) keabaiannya atau kegagalannya untuk menjalankan langkah berhati-hati yang munasabah bagi mencegah kerugian itu.

(7) Jika terdapat dua pecah amanah atau lebih, seorang pemegang amanah tidak boleh menolak sesuatu perolehan daripada satu pecah amanah daripada kerugian yang diakibatkan oleh suatu pecah amanah lain.

(8) Jika dua orang pemegang amanah atau lebih bertanggung berkeenaan dengan suatu pecah amanah, liabiliti mereka hendaklah bersesama dan berasingan.

(9) Seseorang benefisiari boleh, berkeenaan dengan liabiliti bagi suatu pecah amanah yang sudah dilakukan, melepaskan seseorang pemegang amanah daripada, atau menanggung ruginya terhadap, liabiliti itu, tetapi hanya jika benefisiari itu—

- (a) mempunyai keupayaan di sisi undang-undang;
- (b) mempunyai pengetahuan penuh tentang semua fakta material; dan
- (c) tidak didorong dengan cara yang tak sepatutnya oleh pemegang amanah itu supaya memberikan pelepasan atau tanggung rugi itu.

(10) Mahkamah boleh melepaskan pemegang amanah itu sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya daripada liabiliti bagi suatu pecah amanah jika ia berpuas hati bahawa pemegang amanah itu telah bertindak secara jujur dan munasabah dan untuk berlaku adil dia patut dimaafkan dalam hal keadaan itu.

(11) Bagi maksud seksyen ini—

"pengarah" termasuklah mana-mana orang yang memegang jawatan pengarah sesuatu syarikat, dengan nama apa jua pun dia dipanggil, dan termasuklah seseorang yang bertindak atau mengeluarkan petunjuk atau arahan mengikut cara pengarah sesuatu syarikat lazimnya mengeluarkan petunjuk atau arahan atau bertindak, dan pengarah silih ganti atau pengarah ganti, walaupun ada apa-apa kecacatan dalam pelantikan atau kelayakan orang itu;

"pegawai" berhubungan dengan sesuatu syarikat termasuklah—

- (a) mana-mana pengarah, setiausaha atau pekerja syarikat itu;

- (b) seseorang penerima dan pengurus mana-mana bahagian pengusahaan syarikat itu yang dilantik di bawah suatu kuasa yang terkandung dalam apa-apa suratcara; dan
- (c) mana-mana pelikuidasi sesuatu syarikat yang dilantik dalam penggulungan secara sukarela, tetapi tidak termasuk—
 - (i) mana-mana penerima yang bukan juga seorang pengurus;
 - (ii) mana-mana penerima dan pengurus yang dilantik oleh Mahkamah; atau
 - (iii) mana-mana pelikuidasi yang dilantik oleh Mahkamah atau oleh pemiutang.

Pemegang amanah bertindak berkenaan dengan lebih daripada satu amanah

43. (1) Seseorang pemegang amanah yang bertindak bagi lebih daripada satu amanah tidaklah, tanpa fraud, disentuh oleh notis tentang apa-apa suratcara, perkara, fakta atau benda yang berhubungan dengan mana-mana amanah tertentu jika pemegang amanah itu telah memperolehi notis tentangnya oleh sebab dia bertindak atau telah bertindak bagi maksud suatu amanah yang lain.

(2) Seseorang pemegang amanah suatu amanah hendaklah mendedahkan kepada mana-mana pemegang amanah bersama apa-apa kepentingan yang dipunyaiinya sebagai pemegang amanah suatu amanah yang lain jika apa-apa transaksi yang berhubungan dengan amanah yang mula-mula disebut itu hendak dibuat dengan pemegang amanah yang satu lagi.

Berurusan dengan pihak ketiga.

44. (1) Jika dalam mana-mana transaksi atau perkara yang melibatkan suatu amanah, seseorang pemegang amanah memaklumkan pihak ketiga bahawa dia bertindak sebagai pemegang amanah, maka sesuatu tuntutan oleh pihak ketiga itu yang berhubungan dengannya hendaklah tianya meliputi harta amanah itu sahaja.

(2) Jika dalam apa-apa transaksi atau perkara sedemikian seseorang pemegang amanah tidak

memberitahu pihak ketiga bahawa dia bertindak sebagai pemegang amanah dan pihak ketiga itu tidak selainnya menyedari hakikat itu, pemegang amanah itu—

- (a) hendaklah bertanggung sendiri kepada pihak ketiga itu berkenaan dengannya; dan
- (b) hendaklah mempunyai hak untuk menggunakan harta amanah bagi menanggung ruginya terhadap liabiliti itu, melainkan jika tindakan pemegang amanah itu merupakan pecah amanah.

(3) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menjejaskan liabiliti pemegang amanah bagi pecah amanah atau apa-apa liabiliti lain di bawah mana-mana undang-undang.

(4) Dalam seksyen ini, "pihak ketiga" ertinya seseorang selain daripada pembuat amanah, pemegang amanah atau benefisiari amanah itu.

45. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), jika seseorang membuat atau menerima apa-apa keuntungan, laba atau faedah daripada suatu pecah amanah dia hendaklah disifatkan sebagai pemegang amanah konstruktif bagi keuntungan, laba atau faedah itu.

Pemegang
amanah
konstruktif.

(2) Subseksyen (1) tidaklah terpakai bagi pembeli *bona fide* harta dengan nilai dan tanpa notis tentang pecah amanah.

(3) Seseorang pemegang amanah konstruktif atau seseorang yang menjadi pemegang amanah konstruktif hendaklah menghantarserahkan harta yang dia menjadi pemegang amanah konstruktif kepada orang yang berhak dengan sepatutnya kepada harta itu.

(4) Seksyen ini tidaklah mengetepikan apa-apa hal keadaan lain yang mengikutnya seseorang mungkin merupakan atau menjadi seorang pemegang amanah konstruktif.

Tanggung
rugi bagi
pemegang
amanah
bersara.

46. (1) Seseorang pemegang amanah yang meletakkan jawatan atau dipecat atau selainnya terhenti daripada menjadi pemegang amanah hendaklah dengan sewajarnya menyerahkan harta amanah dalam milik atau kawalannya kepada pemegang amanah menakat atau berterusan, atau jika tiada harta amanah itu hendaklah dibiarkan begitu sahaja sehingga dilantik pemegang atau pemegang-pemegang amanah yang baru.

(2) Pemegang amanah yang meletakkan jawatan atau dipecat atau selainnya terhenti menjadi pemegang amanah boleh, sebelum harta amanah diserahkan sebagaimana yang dikehendaki oleh subseksyen (1) membayar balik kepada dirinya sendiri atau membayar daripada amanah itu apa-apa perbelanjaan dan liabiliti yang semunasabahnya dilakukan sebelum itu olehnya berkaitan dengan amanah itu.

(3) Seseorang pemegang amanah yang meletakkan jawatan atau dipecat atau selainnya terhenti menjadi pemegang amanah dan telah mematuhi kehendak subseksyen (1) adalah terlepas daripada menanggung liabiliti kepada mana-mana benefisiari, pemegang amanah atau orang yang mempunyai kepentingan di bawah amanah itu bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan berhubungan dengan harta amanah atau kewajipannya sebagai pemegang amanah, kecuali yang berkenaan dengan tindakan yang berbangkit daripada apa-apa pecan amanah yang kepadanya pemegang amanah itu atau, dalam hal suatu syarikat amanah yang bertindak sebagai pemegang amanah itu, mana-mana pegawai atau pekerjaanya, menjadi suatu pihak atau yang diketahui olehnya.

(4) Seseorang pemegang amanah yang meletakkan jawatan atau dipecat atau selainnya terhenti daripada menjadi pemegang amanah hendaklah terus menanggung liabiliti kepada mana-mana benefisiari, pemegang amanah atau orang yang mempunyai kepentingan di bawah amanah itu supaya boleh didapatkan semula daripada pemegang amanah itu atau, dalam hal suatu syarikat amanah yang bertindak sebagai pemegang amanah sedemikian, daripada mana-mana pegawai atau pekerjaanya, harta amanah atau

hasil daripadanya yang ada dalam miliknya atau yang diterima sebelumnya olehnya dan diambil untuk kegunaannya sendiri atau tidak diserahkan sebagaimana yang dikehendaki oleh subseksyen (1).

(5) Tertakluk kepada terma-terma amanah, pemegang amanah tidak boleh menanggung rugi dirinya hingga ke takat yang lebih besar daripada yang diperuntukkan dalam seksyen ini.

BAHAGIAN V

PELBAGAI

47. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), Mahkamah boleh, atas permohonan seseorang pembuat amanah atau wakil dirinya, pelindung sesuatu amanah, seseorang pemegang amanah atau seseorang benefisiari, bagi pihak—

Pengubahan terma amanah bagi pihak orang belum dewasa, dll.

- (a) mana-mana orang belum dewasa, atau mana-mana orang yang tak upaya di sisi undang-undang, yang mempunyai kepentingan, secara langsung atau tak langsung, sama ada terletak hak atau kontingen di bawah amanah itu;
- (b) mana-mana orang, sama ada ditentukan atau tidak, yang menjadi berhak, secara langsung atau tak langsung, mendapat suatu kepentingan di bawah amanah itu pada suatu tarikh akan datang atau apabila terjadi suatu kejadian akan datang;
- (c) seseorang daripada mana-mana perihalan tertentu atau seseorang anggota mana-mana kelas orang yang tertentu;
- (d) mana-mana orang yang belum dilahirkan; atau
- (e) mana-mana orang berkenaan dengan apa-apa kepentingannya yang mungkin terakru kepadanya oleh sebab apa-apa kuasa budi bicara yang diberikan kepada mana-mana orang atas kegagalan atau penentuan apa-apa kepentingan yang sedia ada yang tidak gagal atau ditentukan,

meluluskan apa-apa perkiraan yang mengubah atau membatalkan terma-terma sesuatu amanah atau menambah atau mengubahsuaikan kuasa pengurusan atau pentadbiran mana-mana pemegang amanah, sama ada atau tidak terdapat orang lain dengan kepentingan benefisial yang berupaya menyetujui perkiraan itu.

(2) Mahkamah tidak boleh meluluskan sesuatu perkiraan bagi pihak mana-mana orang yang disebut dalam subseksyen (1)(a), 1(b), 1(c) atau 1(d) melainkan jika ia berpuas hati bahawa pelaksanaan perkiraan itu adalah tampaknya bagi faedah orang itu.

Kelulusan
transaksi
tertentu.

48. (1) Jika dalam pengurusan atau pentadbiran sesuatu amanah, sesuatu transaksi adalah pada pendapat Mahkamah suaimanfaat, tetapi tidak dapat dikuatkuasakan kerana kuasa yang perlu tidak diletakhakkan pada pemegang amanah oleh terma-terma amanah atau oleh undang-undang, Mahkamah boleh, atas permohonan pemegang amanah atau benefisiari—

- (a) memberi pemegang amanah, sama ada secara am atau dalam apa-apa hal keadaan tertentu, kuasa yang perlu, atas apa-apa terma dan tertakluk kepada apa-apa syarat jika ada, sebagaimana yang didapatinya patut; dan
- (b) mengarahkan cara untuk dan harta yang daripadanya apa-apa wang yang dibenarkan untuk dibelanjakan, dan kos apa-apa transaksi, hendaklah dibayar atau ditanggung.

Kuasa am
Mahkamah.

49. (1) Seseorang pemegang amanah boleh memohon kepada Mahkamah bagi mendapatkan arahan berkenaan dengan cara bagaimana dia boleh atau patut bertindak berkaitan dengan apa-apa perkara yang berkenaan dengan amanah itu dan Mahkamah boleh membuat apa-apa perintah, jika ada, sebagaimana yang didapatinya patut.

(2) Mahkamah juga boleh, jika didapatinya patut—

- (a) membuat suatu perintah berkenaan dengan—
 - (i) pelaksanaan atau pentadbiran apa-apa amanah;

- (ii) pemegang amanah apa-apa amanah, termasuk suatu perintah yang berhubungan dengan perjalanan apa-apa kuasa, budi bicara atau kewajipan pemegang amanah, pelantikan atau pemecatan pemegang amanah, saraan pemegang amanah, pengemukaan akaun, tingkah laku pemegang amanah dan apa-apa bayaran kepada mahkamah;
 - (iii) mana-mana benefisiari atau mana-mana orang yang mempunyai apa-apa kaitan dengan amanah itu; atau
 - (iv) apa-apa harta amanah, termasuk suatu perintah tentang peletakhakan, pemeliharaan, penggunaan, penyerahan atau perolehan kembalinya;
- (b) membuat suatu perisytiharan tentang kesahan atau kebolekuatkuasaan sesuatu amanah;
- (c) menghapuskan atau mengubah apa-apa perintah atau perisytiharan yang dibuat di bawah Akta ini, atau membuat apa-apa perintah atau perisytiharan baru atau lanjut.
- (3) Sesuatu permohonan kepada Mahkamah bagi mendapatkan suatu perintah atau perisytiharan di bawah subseksyen (2) boleh dibuat oleh pemegang amanah atau mana-mana benefisiari.
- (4) Semua prosiding selain daripada prosiding jenayah yang berhubungan dengan mana-mana amanah luar pesisir yang dimulakan dalam mana-mana mahkamah hendaklah, melainkan jika mahkamah memerintahkan selainnya, didengar *in camera* dan tiada butir-butir prosiding itu boleh disiarkan oleh mana-mana orang tanpa kebenaran mahkamah.
- (5) Jika Mahkamah membuat perintah bagi pelantikan seorang pemegang amanah, ia boleh mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya patut, termasuk syarat-syarat tentang peletakhakan harta amanah.

(6) Tertakluk kepada apa-apa perintah Mahkamah, seorang pemegang amanah yang dilantik oleh Mahkamah di bawah seksyen ini hendaklah mempunyai kuasa, budi bicara dan kewajipan yang sama seolah-olah dia telah dilantik sebagai pemegang amanah sejak asal.

Pernayaraan
kos

50. Kos dan perbelanjaan mengenai dan yang bersampingan dengan sesuatu permohonan kepada Mahkamah di bawah Akta ini hendaklah dibayar daripada harta amanah atau ditanggung dan dibayar mengikut apa-apa cara lain atau oleh mana-mana orang lain sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah.

Perlindungan
bagi orang
yang
berurusan
dengan
pemegang
amanah.

51. (1) Seseorang pembeli *bona fide* dengan nilai tanpa notis sebenar tentang apa-apa pecah amanah—

(a) boleh berurusan dengan seseorang pemegang amanah berhubungan dengan harta amanah seolah-olah pemegang amanah itu ialah pemunya benefisial harta amanah itu; dan

(b) tidak tersentuh oleh amanah yang untuknya harta itu dipegang.

(2) Tiada seorang pun yang membayar atau mendahulukan wang kepada pemegang amanah berhak untuk memastikan bahawa wang itu dikehendaki bagi maksud amanah itu, atau bahawa tidak lebih daripada apa yang diperlukan adalah diperdapatkan, atau selainnya tentang kesesuaian transaksi atau penggunaan wang itu.

Had masa
tindakan.

52. (1) Tiada tempoh had masa atau sekatan di bawah mana-mana undang-undang boleh terpakai bagi sesuatu tindakan yang diambil terhadap seorang pemegang amanah—

(a) berkenaan dengan apa-apa fraud atau pecah amanah jenayah yang pemegang amanah atau, dalam hal suatu syarikat amanah yang bertindak sebagai pemegang amanah, mana-mana pegawai atau pekerjanya menjadi suatu pihak kepadanya atau tahu tentangnya; atau

- (b) bagi mendapatkan semula daripada pemegang amanah, atau dalam hal syarikat amanah yang bertindak sebagai pemegang amanah, mana-mana pegawai atau pekerjanya, harta amanah atau hasil daripadanya dalam milik atau kawalannya atau yang diterima olehnya sebelum itu dan diambil untuk kegunaannya.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (1), tiada tindakan boleh diambil terhadap seorang pemegang amanah oleh seseorang benefisiari bagi apa-apa pecah amanah selepas tamat tempoh enam tahun—

- (a) bermula dari tarikh penyerahan akaun terakhir amanah kepada benefisiari itu; atau
- (b) bermula dari tarikh benefisiari itu mula-mula tahu tentang berlakunya pecah amanah itu,

mengikut mana-mana tarikh yang lebih dahulu.

(3) Jika benefisiari ialah seorang orang belum dewasa atau seorang yang tak upaya di sisi undang-undang, tempoh yang disebut dalam subseksyen (2) tidaklah mula berjalan sehingga hari benefisiari itu terhenti menjadi orang belum dewasa atau ketakupayaannya di sisi undang-undang terhenti.

(4) Tempoh yang disebut dalam seksyen ini hendaklah terhenti jika suatu tuntutan atau tindakan difailkan dalam mahkamah yang kompeten dan disampaikan kepada pemegang amanah sebelum tamat tempoh itu.

53. (1) Sesuatu syarikat amanah yang bertindak sebagai pemegang amanah sesuatu amanah luar pesisir tidak boleh menerima—

- (a) apa-apa wang atau harta lain yang berpunca daripada suatu transaksi, pengendalian atau aktiviti lain yang merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah undang-undang Malaysia atau yang, jika dijalankan di Malaysia, akan menjadi kesalahan sedemikian; atau

Wang atau harta lain daripada aktiviti yang menyalahi undang-undang.

- (b) apa-apa wang atau harta lain yang penerimaan, pemunyaan atau kawalannya adalah menjadi atau akan menjadi suatu kesalahan sebagaimana yang tersebut dalam perenggan (a).

(2) Jika mana-mana orang yang menjadi pengarah, pegawai atau ejen suatu syarikat amanah yang pada masa itu bertindak sebagai pemegang amanah suatu amanah—

- (a) mempunyai sebab untuk percaya bahawa amanah itu mempunyai harta atau pendapatan yang terakru padanya atau didapati olehnya dan berpunca daripada suatu transaksi, pengendalian atau aktiviti lain yang merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah undang-undang Malaysia atau yang, jika dijalankan di Malaysia, akan menjadi kesalahan sedemikian; atau
- (b) telah menerima atau ada dalam milik atau kawalannya wang atau harta lain yang penerimaan, pemunyaan atau kawalannya adalah menjadi atau akan menjadi suatu kesalahan sebagaimana yang tersebut dalam perenggan (a),

hendaklah menjadi kewajipan orang itu membawa perkara itu dengan serta-merta kepada pengetahuan Lembaga.

(3) Mana-mana orang yang tanpa alasan yang munasabah tidak mematuhi kehendak subseksyen (1) atau (2) adalah melakukan suatu kesalahan.

Penalti : Pemenjaraan selama lima tahun atau tiga puluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

(4) Seseorang yang disabitkan atas suatu kesalahan kerana melanggar subseksyen (2) hendaklah hilang kelayakan selama-lamanya untuk menjadi pengarah atau pegawai suatu syarikat amanah.

(5) Semua wang atau harta yang diperihalkan dalam subseksyen (1) atau (2) hendaklah terlucuthak kepada Kerajaan dan menjadi hartanya secara mutlak.

54. (1) Mana-mana orang yang—Kesalahan
dan penalti
am.

- (a) melakukan apa-apa jua yang dilarang oleh atau di bawah Akta ini;
- (b) tidak melakukan apa-apa yang dia dikehendaki melakukannya oleh atau di bawah Akta ini; atau
- (c) selainnya melanggar atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini,

adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini boleh, apabila disabitkan, dikenakan penalti yang tidak melebihi penalti yang disebut dengan nyata sebagai penalti bagi kesalahan itu, atau jika penalti tidak disebut sedemikian, boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

(3) Penalti, yang berbentuk kewangan atau selainnya, yang dinyatakan dalam atau di kaki mana-mana seksyen atau sebahagian daripada suatu seksyen dalam Akta ini hendaklah menandakan bahawa kesalahan itu boleh dihukum, apabila sabit kesalahan, dengan penalti yang tidak melebihi apa yang dinyatakan sedemikian dan jika penalti itu dinyatakan terpakai bagi sebahagian seksyen itu sahaja, ia hendaklah terpakai bagi bahagian itu sahaja.

55. (1) Tiada presiding bagi apa-apa kesalahan terhadap Akta ini boleh dimulakan oleh Lembaga kecuali dengan keizinan bertulis daripada Pendakwa Raya.Kuasa untuk
mendakwa.

(2) Prosiding bagi apa-apa kesalahan terhadap Akta ini selain daripada suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang melebihi tiga tahun boleh didakwa di Mahkamah Majistret dan suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang melebihi tiga tahun hendaklah didakwa di Mahkamah Sesyen atau Mahkamah Tinggi.

56. (1) Lembaga boleh, dengan keizinan Pendakwa Raya, mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan olehPengkom-
paunan
kesalahan

mana-mana orang terhadap Akta ini, dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu apabila dibayar kepada Lembaga dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu suatu jumlah wang yang dinyatakan dalam tawaran itu, yang tidak boleh melebihi lima puluh peratus daripada amaun denda maksimum yang boleh dikenakan ke atas orang itu jika dia disabitkan atas kesalahan itu.

(2) Suatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu, atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang boleh diberikan oleh Lembaga, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(3) Jika suatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan selepasnya boleh dimulakan berkenaan dengan apa-apa kesalahan terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

Peraturan-
peraturan.

57. (1) Menteri boleh dari semasa ke semasa membuat peraturan yang perlu atau suaimanfaat bagi memberikan kuatkuasa yang sepenuhnya kepada peruntukan Akta ini, bagi menjalankan atau mencapai matlamat dan maksud Akta ini, atau bagi pelaksanaan lanjut, lebih baik atau lebih mudah peruntukan Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan boleh dibuat bagi menetapkan apa-apa borang, notis, fee, caj dan apa-apa jua yang dikehendaki oleh Akta ini supaya ditetapkan atau sebagaimana yang didapati perlu oleh Menteri.

Pengecualian.

58. (1) Menteri boleh, atas kehendaknya sendiri atau menurut suatu permohonan secara bertulis yang diserahkan kepada Lembaga oleh pembuat amanah atau pemegang amanah suatu amanah luar pesisir atau suatu amanah

luar pesisir berdaftar atau mana-mana orang, mengecualikan amanah luar pesisir atau amanah luar pesisir berdaftar itu atau mana-mana orang daripada semua atau mana-mana peruntukan Akta ini dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya dan boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut.

(2) Sesuatu pengecualian yang diberikan di bawah subseksyen (1) boleh dibatalkan atau diubah oleh Menteri pada bila-bila masa.

59. (1) Menteri boleh, tanpa menyatakan sebab baginya, mengeluarkan suatu arahan—

Larangan ke atas pendaftaran atau penjalanan perniagaan.

(a) melarang pendaftaran atau pewujudan atau pengiktirafan apa-apa amanah atau penguatkuasaan apa-apa amanah di bawah Akta ini; atau

(b) mengarahkan mana-mana amanah luar pesisir supaya berhenti menjalankan perniagaannya atau sebahagian daripada perniagaannya sama ada dengan serta-merta atau dalam masa yang dinyatakan dalam arahan itu.

(2) Sesuatu arahan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh dibatalkan atau diubah oleh Menteri.

60. Sekiranya apa-apa tindakan atau langkah dikehendaki atau dibenarkan dilakukan atau diambil di bawah Akta ini dan tiada borang ditetapkan atau tiada prosedur ditetapkan bagi maksud itu, sama ada dalam Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, permohonan boleh dibuat kepada Lembaga bagi mendapatkan arahan tentang cara tindakan atau langkah itu boleh dibuat atau diambil, dan apa-apa tindakan atau langkah yang dibuat atau diambil mengikut arahnya hendaklah menjadi pelaksanaan sah tindakan atau langkah itu.

Prosedur jika tiada prosedur ditetapkan.

Kecualian
berkenaan
dengan
amanah yang
wujud
sebelum Akta
ini mula
berkuatkuasa.

61. (1) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menyentuh kesahihan atau kesahan apa-apa amanah yang ada di Labuan yang berbangkit daripada sesuatu dokumen atau pelupusan yang dilaksanakan atau berkuatkuasa, atau apa-apa tindakan yang diambil atau dibuat berhubungan dengan mana-mana amanah sedemikian sebelum Akta ini mula berkuatkuasa.

(2) Jika, sebelum Akta ini mula berkuatkuasa, suatu amanah telah ditubuhkan atau diwujudkan di Labuan, pembuat amanah, jika dia masih hidup atau wujud, atau dalam apa-apa hal lain, benefisiari dan pemegang amanah termasuk mana-mana pelindung, boleh, dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh Akta ini mula berkuatkuasa, meminda atau mengubah amanah itu supaya ia menepati peruntukan Akta ini dan apabila pindaan atau perubahan sedemikian dibuat amanah itu hendaklah disifatkan telah diwujudkan mengikut atau sebagaimana yang diperuntukkan oleh Akta ini.

Ketakpakaian
undang-
undang
tertentu.
Akta 208
Akta 258.
Akta 359

62. Peruntukan-peruntukan Akta Pemegang Amanah 1949, Akta Pemegang Amanah (Perbadanan) 1952 dan seksyen 9 Akta Presiding Kerajaan 1956 tidaklah terpakai bagi amanah luar pesisir yang diwujudkan dengan sah atau dikuatkuasakan atau didaftarkan di bawah Akta ini.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan mengadakan peruntukan bagi pewujudan dan pengiktirafan amanah luar pesisir di Labuan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya.

BAHAGIAN I

2. Bahagian I adalah berhubungan dengan perkara-perkara permulaan.

3. *Fasal 1* membuat peruntukan tentang tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuatkuasa Akta yang dicadangkan.

4. *Fasal 2* mentakrifkan perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan tertentu yang digunakan dalam Rang Undang-Undang ini.
5. *Fasal 3* memperkatakan kewujudan sesuatu amanah.
6. *Fasal 4* mentakrifkan amanah bagi maksud khairat dan mengadakan peruntukan bagi pewujudan atau penubuhan amanah maksud.
7. *Fasal 5* adalah berhubungan dengan amanah pemborosan atau perlindungan yang boleh menyebabkan kepentingan seseorang benefisiari menjadi tertakluk kepada penamatan, sekatan atau pengurangan.
8. *Fasal 6* menetapkan bahawa sesuatu amanah hendaklah ditadbirkan oleh undang-undangnya yang sepatutnya dan membuat peruntukan bagi perubahan dalam undang-undang yang sepatutnya itu.

BAHAGIAN II

9. Bahagian II memperkatakan pewujudan dan pengiktirafan amanah luar pesisir.
10. *Fasal 7* menyebutkan kehendak-kehendak bagi sesuatu amanah untuk menjadi suatu amanah luar pesisir.
11. *Fasal 8* menetapkan formaliti bagi pewujudan amanah luar pesisir. Ia juga bertujuan mentakrifkan makna Akuan amanah satu pihak.
12. *Fasal 9* mengadakan peruntukan bagi pengiktirafan amanah luar pesisir jika diwujudkan dengan sah, dan menyatakan keadaan-keadaan yang di bawahnya suatu amanah luar pesisir boleh dijadikan tak sah atau menjadi tidak boleh dikuatkuasakan di Labuan.
13. *Fasal 10* memperuntukkan bahawa sesuatu tuntutan atau penghakiman luar negeri tidak boleh dikuatkuasakan di bawah hal keadaan tertentu.
14. *Fasal 11* memperkatakan akibat sesuatu amanah luar pesisir atau pelupusan secara fraud.
15. *Fasal 12* menyatakan prosedur bagi pendaftaran amanah luar pesisir dan bertujuan menghendaki seseorang pemegang amanah memberitahu Lembaga tentang apa-apa perubahan butir-butir atau penamatan amanah luar pesisir berdaftar.
16. *Fasal 13* memberikan pilihan bagi pemegang amanah mengemukakan suratcara amanah dan apa-apa pindaan kepadanya untuk pendaftaran.

17. *Fasal 14* menghendaki supaya tiap-tiap suratcara amanah mengandungi nama amanah luar pesisir itu. Ia juga menghendaki tiap-tiap amanah luar pesisir mempunyai suatu pejabat berdaftar iaitu pejabat berdaftar syarikat amanah yang dilantik sebagai pemegang amanah itu.

18. *Fasal 15* membenarkan Lembaga menyenggarakan suatu daftar bagi semua amanah luar pesisir berdaftar. *Fasal* ini juga bertujuan menyekat pendedahan apa-apa maklumat dan semua dokumen yang disimpan oleh Lembaga berhubungan dengan amanah luar pesisir.

19. *Fasal 16* memperuntukkan jangka masa sesuatu amanah luar pesisir yang, bagaimanapun, tidak boleh melebihi seratus tahun melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam terma-terma amanah itu atau jika ditamatkan lebih awal mengikut peruntukan Akta yang dicadangkan ini.

20. *Fasal 17* membenarkan suatu perubahan terma-terma dan pembatalan sesuatu amanah luar pesisir.

21. *Fasal 18* memperkatakan peletakhakan harta amanah atau kepentingan berbangkit daripada kegagalan atau luputnya kepentingan di bawah amanah itu.

22. *Fasal 19* memperkatakan penamatan sesuatu amanah luar pesisir dan pembahagian harta amanah kepada orang yang berhak kepadanya.

23. *Fasal 20* membenarkan sesuatu amanah luar negeri, tertakluk kepada kelulusan atau kebenaran pegawai yang sepatutnya di negara itu, dijadikan boleh dikuatkuasakan, diiktiraf atau didaftarkan di Labuan seolah-olah ia telah diwujudkan di bawah Akta yang dicadangkan ini.

24. *Fasal 21* membenarkan sesuatu amanah luar pesisir yang diwujudkan di Labuan dipindahkan ke negara lain.

BAHAGIAN III

25. Bahagian III memperkatakan benefisiari amanah luar pesisir.

26. *Fasal 22* adalah berhubungan dengan penentuan benefisiari yang berhak menuntut di bawah sesuatu amanah luar pesisir.

27. *Fasal 23* membenarkan seseorang benefisiari menolak kesemua atau sebahagian daripada kepentingannya tertakluk kepada terma-terma amanah luar pesisir.

28. *Fasal 24* adalah berhubungan dengan kepentingan benefisiari berkenaan dengan sesuatu amanah luar pesisir dan urusan mengenainya.

29. *Fasal 25* mentakrifkan "kepentingan kelas" dan menetapkan kaedah-kaedah yang terpakai bagi sesuatu amanah atau kepentingan dalamnya bagi faedah sesuatu kelas.

BAHAGIAN IV

30. Bahagian IV memperkatakan pemegang-pemegang amanah luar pesisir.

31. *Fasal 26* adalah berhubungan dengan pelantikan pemegang-pemegang amanah sesuatu amanah luar pesisir di Labuan.

32. *Fasal 27* adalah berhubungan dengan penerimaan perantikan sebagai pemegang amanah.

33. *Fasal 28* mengadakan peruntukan mengenai peletakan jawatan pemegang amanah sesuatu amanah.

34. *Fasal 29* adalah berhubungan dengan kekosongan dalam sesuatu amanah.

35. *Fasal 30* menyatakan kewajipan pemegang amanah dalam mentadbirkan amanah itu dan memastikan bahawa pemegang amanah melaksanakan kewajipan mereka dengan tekun dan dengan suci hati.

36. *Fasal 31* adalah berhubungan dengan kewajipan pemegang amanah bersama.

37. *Fasal 32* bertujuan memastikan kesaksamaan pemegang amanah dalam melaksanakan sesuatu amanah apabila terdapat lebih daripada seorang benefisiari atau satu maksud khairat di bawah amanah itu.

38. *Fasal 33* memperkatakan kuasa seseorang pemegang amanah berhubungan dengan harta amanah itu.

39. *Fasal 34* membolehkan pembuat amanah atau benefisiari atau seseorang dalam sesuatu kelas benefisiari sesuatu amanah memberi pemegang amanah itu suatu surat atau memorandum hasrat mengenai bagaimana pemegang amanah itu boleh menyempurnakan amanah itu.

40. *Fasal 35* mengadakan peruntukan bagi pelantikan pelindung sesuatu amanah yang hendaklah dirundingi oleh pemegang amanah dalam menjalankan semua kuasa atau kuasa tertentu yang dinyatakan dan juga memberinya kuasa untuk memecat atau melantik seseorang pemegang amanah.

41. *Fasal 36* membenarkan perwakilan kuasa oleh pemegang amanah dengan syarat dia dibenarkan berbuat demikian oleh Akta, atau oleh terma-terma amanah itu atau oleh Mahkamah.

42. *Fasal 37* memberi pemegang amanah kuasa untuk mewakilkan pelaksanaan apa-apa amanah atau fungsi melalui surat kuasa wakil,
43. *Fasal 38* mengadakan peruntukan bagi pengumpulan, pendahuluan dan penguntukan harta amanah yang berkaitan dengan benefisiari berkenaan dengan amanah itu.
44. *Fasal 39* memperuntukkan bahawa kuasa untuk melantik atau menyerahhakkan harta amanah bagi faedah mana-mana orang hendaklah mempunyai kuatkuasa tidak kira sama ada orang itu ialah benefisiari amanah itu sebelum sahaja pelantikan atau penyerahhakan sedemikian.
45. *Fasal 40* mengadakan peruntukan bagi saraan dan perbelanjaan pemegang amanah.
46. *Fasal 41* bertujuan memastikan kerahsiaan berhubungan dengan amanah dengan melarang pendedahan apa-apa dokumen atau maklumat berhubungan dengan amanah itu melainkan jika diperuntukkan oleh Akta yang dicadangkan ini atau oleh terma-terma amanah.
47. *Fasal 42* mewujudkan suatu liabiliti berkenaan dengan pecah amanah oleh pemegang amanah.
48. *Fasal 43* adalah berhubungan dengan pemegang-pemegang amanah yang bertindak berkenaan dengan lebih daripada satu amanah.
49. *Fasal 44* mengandungi peruntukan berhubungan dengan urusan dengan pihak ketiga dan mentakrifkan makna pihak ketiga.
50. *Fasal 45* menyatakan bahawa seseorang yang mendapat faedah daripada sesuatu pecah amanah adalah dianggap sebagai pemegang amanah konstruktif bagi apa-apa keuntungan, laba atau faedah yang didapati daripada pecah amanah itu.
51. *Fasal 46* bertujuan mengadakan peruntukan bagi tanggung rugi pemegang amanah yang akan bersara bagi apa-apa perbelanjaan atau liabiliti terdahulu yang dilakukan olehnya berkaitan dengan amanah itu.

BAHAGIAN V

52. Bahagian V mengandungi peruntukan pelbagai.
53. *Fasal 47* mengadakan peruntukan bagi pengubahan terma amanah bagi pihak orang belum dewasa, dan sebagainya, oleh Mahkamah.

54. *Fasal 48* memberi Mahkamah kuasa untuk memberikan kuasa tertentu kepada pemegang amanah jika sesuatu transaksi tidak dapat dikuatkuasakan kerana kuasa-kuasa yang perlu tidak diletakhakkan pada pemegang amanah.
55. *Fasal 49* memperkatakan kuasa-kuasa am Mahkamah berhubungan dengan apa-apa permohonan bagi mendapatkan arahan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan amanah.
56. *Fasal 50* adalah berhubungan dengan pembayaran kos berkenaan dengan apa-apa permohonan kepada Mahkamah.
57. *Fasal 51* mengadakan peruntukan bagi perlindungan orang-orang yang berurusan dengan pemegang amanah.
58. *Fasal 52* dengan nyata memperuntukkan bahawa hendaklah tiada had tempoh bagi sesuatu tindakan yang dibawa terhadap seseorang pemegang amanah berkenaan dengan fraud atau bagi mendapatkan balik harta amanah, dan kecuali dalam hal keadaan tertentu, bahawa tiada tindakan boleh dibawa terhadap seseorang pemegang amanah bagi apa-apa pecah amanah selepas habis tempoh 6 tahun,
59. *Fasal 53* menghendaki pengarah, pegawai atau ejen sesuatu syarikat amanah mendedahkan kepada Lembaga apa-apa amanah yang mempunyai harta atau pendapatan yang berpunca daripada aktiviti yang menyalahi undang-undang.
60. *Fasal 54* mengandungi kesalahan dan penalti am.
61. *Fasal 55* memberi Lembaga kuasa dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya untuk mendakwa apa-apa kesalahan terhadap Akta yang dicadangkan ini.
62. *Fasal 56* mengadakan peruntukan bagi pengkompaunan kesalahan.
63. *Fasal 57* memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan bagi maksud menjalankan atau memberikan kuatkuasa kepada peruntukan-peruntukan Akta yang dicadangkan ini.
64. *Fasal 58* memberi Menteri kuasa untuk mengecualikan sesuatu amanah luar pesisir daripada semua atau mana-mana peruntukan Akta yang dicadangkan ini.
65. *Fasal 59* memberi Menteri kuasa untuk mengeluarkan arahan yang melarang pendaftaran sesuatu amanah atau perjalanan pemiagaan mana-mana amanah luar pesisir di bawah Akta yang dicadangkan ini.

66. *Fasal 60* memberi Lembaga kuasa untuk menentukan prosedur yang wajar bagi apa-apa perkara di bawah Akta yang dicadangkan ini yang baginya tidak ada prosedur diperuntukkan oleh Akta yang dicadangkan atau peraturan-peraturan.

67. *Fasal 61* mengadakan peruntukan bagi kesahihan atau kesahan amanah yang sedia ada di Labuan sebelum Akta yang dicadangkan ini mula berkuatkuasa.

68. *Fasal 62* mengadakan peruntukan bagi ketakpakaian Akta Pemegang Amanah 1949, Akta Pemegang Amanah (Perbadanan) 1952 dan seksyen 9 Akta Prosiding Kerajaan 1956 kepada mana-mana amanah luar pesisir,

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan tambahan.

[PN. (U²) 1779.]